

PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP  
PENGEKALAN WAKAF LAMA TUAN FARRER,  
PASIR PUTEH KELANTAN

NORATIKAH BINTI JAMAL

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN

KELANTAN

2021



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan**

Oleh

**NORATIKAH BINTI JAMAL**

**C17A0184**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat  
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

---

## PERAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah digunakan untuk Ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

AKSES TERBUKA

Saya setuju bahawa laporan dibuat secara segera dan didapati dalam hardcopy atau talian akses terbuka.

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit dibawah Akta Rahsia 1972).

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan telah dibuat).

Saya mengaku bahawa pihak Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti:

- 1) Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan.
- 2) Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja.
- 3) Perpustakaan mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran antara institusi pengajian

Disahkan Oleh:

*Atikah*



Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama: Noratikah Binti Jamal (C17A0184)

Nama: Dr. Shahariah Shahrudin

Tarikh: 3 Februari 2021

Tarikh: 5 Februari 2021

## PENGHARGAAN

Bismillahirrohmanirrohim, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T., kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Shahariah Norain Binti Shaharuddin, selaku penyelia saya di atas kesabaran, nasihat, sokongan, dan bimbingan yang diberikan telah banyak membantu kepada kajayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, strategi, semangat dan kebijaksanaan beliau telah banyak membantu saya dalam penghasilan tesis ini. Tidak dilupa juga kepada barisan pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang sudi berkongsi ilmu berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.

Terima kasih kepada pihak Majlis Daerah Pasir Puteh dan penduduk setempat disekitar kawasan Wakaf Tuan Farrer kerana telah banyak membantu dalam menyalurkan maklumat berkaitan dengan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Ribuan terima kasih juga kepada kedua-dua ibu bapa yang dikasihi, Encik Jamal Bin Nopiah dan Puan Syamsidar Binti Samsudin yang sentiasa memberi doa, dorongan, peringatan, bantuan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>I</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>II</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>III</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>VIII</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>XII</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>XIV</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>XIV</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>XV</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>XVI</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Penutup	8

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	9
2.1.1	Pengertian Definisi	9
2.1.2	Definisi Persepsi	9
2.1.3	Definisi Masyarakat	10
2.1.4	Definisi Pengekalan	11
2.1.5	Definisi Wakaf	11
2.2	Latar Belakang / Sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan	12
2.3	Fungsi Dan Peranan Monumen Bersejarah	14
2.4	Kepentingan Mengekalkan Monumen Bersejarah	15
2.5	Kerangka Teori	18
2.6	Penutup	20

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	21
3.1	Pendekatan Kajian	21
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Data Kualitatif	23
3.3.1	Data Primer	24
3.3.1.1	Temubual Informan	24

3.3.1.2	Pemerhatian	24
3.3.1.3	Soal Selidik	25
3.3.1.4	Catatan	25
3.3.1.5	Rakaman Video dan Audio	26
3.3.1.6	Mengambil Video	26
3.3.2	Data Sekunder	26
3.3.2.1	Kajian Perpustakaan	27
3.3.2.1	Internet	27
3.4	Data Kuantitatif	27
3.4.1	Kaedah Soal Selidik	28
3.5	Persampelan	28
3.6	Carta Aliran Metodologi	30
3.7	Analisis Data	31
3.8	Penutup	32
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN</b>		
4.0	Pengenalan	34
4.1	Prosedur Dalam Menjalankan Kajian	34
4.1.1	Memohon Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	34
4.1.2	Memperoleh Borang Kebenaran Menjalankan Kajian	35
4.1.3	Membuat Soalan Temubual	35

4.1.4	Membuat Temu Janji Untuk Sesi Temubual	35
4.1.5	Menjalankan Temu Bual	36
4.1.6	Temu Bual Instrumen	37
4.1.7	Mengumpul Maklumat Diperoleh Hasil Daripada Temu Bual Yang Dijalankan	37
4.1.8	Membuat Soalan Soal Selidik	38
4.1.9	Menjalankan Soal Selidik	38
4.1.10	Mengumpul Maklumat Diperolehi Daripada Soal Selidik Yang Diajalankan	39
4.2	Analisis Maklumat Soal Selidik	39
4.3	Bahagian A – Maklumat Demografi Responden	40
4.3.1	Taburan Responden Mengikut Umur	40
4.3.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	41
4.3.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	42
4.3.4	Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	43
4.4	Bahagian B - Fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan Kepada Masyarakat Setempat	45
4.5	Bahagian C – Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan	56
4.6	Dapatan Kajian	67
4.6.1	Analisis Sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh,	69



	Kelantan	
4.6.2	Analisis Fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan Kepada Masyarakat Setempat	77
4.6.3	Analisis Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan	83
4.7	Pengaplikasian Teori Dalam Penyelidikan	90
4.8	Penutup	92
<b>BAB 5 SARANAN DAN KESIMPULAN</b>		
5.0	Pengenalan	93
5.1	Saranan	93
5.1.1	Saranan Pendedahan Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Keadaan Fizikal Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.	93
5.1.2	Saranan Pendedahan Kepentingan Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.	95
5.2	Kesimpulan	96
<b>RUJUKAN</b>		99
<b>LAMPIRAN</b>		105

## SENARAI RAJAH

NO.		HALAMAN
Rajah 3.1	menunjukkan carta aliran metodologi	30
Rajah 4.2	menunjukkan carta pai taburan responden mengikut umur	41
Rajah 4.3	menunjukkan carta pai taburan responden mengikut jantina	42
Rajah 4.4	menunjukkan carta pai taburan responden mengikut bangsa	43
Rajah 4.5	menunjukkan carta pai taburan responden mengikut pekerjaan	44
Rajah 4.6	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.	46
Rajah 4.7	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.	48
Rajah 4.8	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 3 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.	50
Rajah 4.9	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 4 iaitu	52

	Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai.	
Rajah 4.10	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 5 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.	54
Rajah 4.11	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu Daerah Pasir Puteh Wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan.	57
Rajah 4.12	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.	60
Rajah 4.13	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 3 iaitu pengejalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara Kolonial.	61
Rajah 4.14	menunjukkan carta bar taburan responden soalan 4	63

	<p>iaitu rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer</p> <p>mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu</p> <p>dikekalkan untuk generasi akan datang</p>	
Rajah 4.15	<p>menunjukkan carta bar taburan responden soalan 5</p> <p>iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai</p> <p>bangunan warisan dapat menyumbang kepada</p> <p>kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai</p> <p>warisan terus terpelihara.</p>	65
Rajah 4.16	menunjukkan carta maklumat informan yang ditemubual.	68
Rajah 4.17	<p>menunjukkan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh</p> <p>Kelantan sebelum diselenggarakan binaan yang runtuh</p> <p>(1919 – 2008)</p>	70
Rajah 4.18	<p>menunjukkan Tokoh Tok Janggut iaitu perjuang semasa</p> <p>jajahan Inggeris di Kelantan</p>	72
Rajah 4.19	<p>menunjukkan Pemangku Penasihat British selaku Ketua</p> <p>Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 – 1919</p>	74
Rajah 4.20	menunjukkan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.	75
Rajah 4.21	<p>menunjukkan rekabentuk bumbung bentuk “A” dan nama</p> <p>Roland John Farrer atau Tuan Farrer dipahat pada wakaf</p> <p>tersebut.</p>	76

Rajah 4.22	menunjukkan binaan Wakaf Tuan Farrer selepas proses penyelenggaraan.	77
Rajah 4.23	menunjukkan kedudukan Wakaf ditengah jalan untuk kemudahan orang awam berehat dan berteduh setelah penat berjalan.	79
Rajah 4.24	menunjukkan struktur ruang pelantaian yang rendah dan ergonomik untuk tempat berehat dan tempat perbincangan kepada penduduk setempat.	81
Rajah 4.25	menunjukkan mercu tanda zaman jajahan kolonial di Pasir Puteh, Kelantan.	82
Rajah 4.26	menunjukkan senibina dan rekabentuk Wakaf Tuan Farrer yang mempunyai pengaruh campuran Inggeris dan Melayu.	86
Rajah 4.27	menunjukkan keadaan Wakaf Lama Tuan Farrer yang mengalami kerosakan serta tidak dipelihara dan dipulihara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab.	88

## SENARAI JADUAL

NO.		HALAMAN
Jadual 4.1	menunjukkan jadual maklumat informan yang ditemubual.	37
Jadual 4.2	menunjukkan jadual taburan responden mengikut umur	40
Jadual 4.3	menunjukkan jadual taburan responden mengikut jantina	42
Jadual 4.4	menunjukkan jadual taburan responden mengikut bangsa	43
Jadual 4.5	menunjukkan jadual taburan responden mengikut pekerjaan	44
Jadual 4.6	menunjukkan jadual taburan responden soalan 1 iaitu  Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.	46
Jadual 4.7	menunjukkan jadual taburan responden soalan 2 iaitu  Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.	48
Jadual 4.8	menunjukkan jadual taburan responden soalan 3 iaitu  Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.	50
Jadual 4.9	menunjukkan jadual taburan responden soalan 4 iaitu  Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu	52

	tanda jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai.	
Jadual 4.10	menunjukkan jadual taburan responden soalan 5 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.	54
Jadual 4.11	menunjukkan jadual taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh Wajar Dikekalkan Binaannya Untuk Dijadikan Khazanah Warisan Kelantan.	57
Jadual 4.12	menunjukkan jadual taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.	59
Jadual 4.13	menunjukkan jadual taburan responden soalan 3 iaitu pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara Kolonial.	61
Jadual 4.14	menunjukkan jadual taburan responden soalan 4 iaitu rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai	63

nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.

Jadual 4.15 menunjukkan jadual taburan responden soalan 5 iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpuhara. 65

#### SENARAI SINGKATAN

ICOMOS	<i>The International Council on Monuments and Sites</i>
JWN	Jabatan Warisan Negara
PERZIM	Galeri Seni Perbadanan Muzium Melaka
SOP	<i>Standard Operation Procedure</i>
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

#### SENARAI SIMBOL

$f$	Kekerapan
%	Peratus



**Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer,  
Pasir Puteh, Kelantan**

**Abstrak**

Penyelidikan ini berkenaan dengan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kepentingan kajian ini dilihat dapat memberi kesan positif kepada pelbagai pihak terutamanya kepada pihak Jabatan Warisan Negara, bidang pendidikan, masyarakat, individu dan sektor pelancongan. Kajian ini dapat memberi pendedahan serta pengetahuan kepada Pihak Jabatan Warisan Negara berkenaan pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan yang mempunyai nilai sejarah, nilai estetika dan nilai senibina rekabentuk Monumen bersejarah kepada masyarakat. Kajian ini memfokuskan kepada tiga objektif iaitu mengenalpasti sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan, mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan kepada penduduk setempat dan mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Penyelidikan ini berkenaan nilai-nilai warisan seperti sejarah kewujudan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan, fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan yang terdapat pada Wakaf Lama Tuan Farrer untuk dikajian mengenai persepsi masyarakat sama ada Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh perlu dikekalkan ataupun sebaliknya.

Kata Kunci: Persepsi, Masyarakat, Pengekalan, Wakaf

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Abstract

This research concerns the public's perception of retaining “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh, Kelantan. The importance of this study is seen to have a positive impact on various parties, especially on the National Heritage Department, education, community, individuals and tourism sector. This study can provide exposure and knowledge to the National Heritage Department regarding the retention of “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh, Kelantan which has historical value, aesthetic value and architectural value of historic Monumen design to the community. This study focuses on three objectives, namely to identify the history of the “Wakaf Lama Tuan Farrer” , Pasir Puteh, Kelantan, to know the function of the “Wakaf Lama Tuan Farrer” , Pasir Puteh, Kelantan to the local people and to study the people's perception of the retention of “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh, Kelantan. This research on heritage values such as the history of the existence of “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh, Kelantan, the function of “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh Kelantan found in Mr. Farrer's Old Wax to study the public's perception of “Wakaf Lama Tuan Farrer”, Pasir Puteh should be maintained or vice versa.

Keywords: Perception, Society, Retention, “Wakaf”



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Istilah Monumen menurut kamus dewan bahasa dan pustaka bermaksud bangunan yang dibina bertujuan memperingati seseorang yang berpengaruh atau sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa dahulu. Monumen berfungsi sebagai tempat menyimpan bahan-bahan bersejarah yang boleh dijadikan sebagai rujukan. Monumen kebiasaannya terdiri daripada tempat kediaman, kegunaan awam, istana, pejabat kerajaan dan sebagainya. Monumen bersejarah merupakan sesuatu yang diwarisi daripada nenek moyang dahulu yang mempunyai nilai – nilai sejarah dan keunikan senibinanya serta apa yang kita hidup dengan harini untuk disampaikan kepada generasi masa depan (Prentice, 1993). Pengaruh pembinaan sesebuah binaan, teknologi yang digunakan dan senibina binaan dikaitkan dengan monumen. Elemen-elemen tersebut mewujudkan nilai-nilai estetika yang terdapat pada monumen telah menonjolkan nilai-nilai warisannya dari pandangan seni dan sejarah.

Istilah Wakaf daripada perkataan Arab bermaksud cara bersedekah erti kata lain menyerahkan harta atau wang untuk diagihkan atau diserahkan kepada orang ramai serta menurut Islam amalam bersedekah akan diberikan ganjaran pahala. Di Pantai Timur terutamanya Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu, Wakaf sinonim dengan sebuah pondok yang dibina untuk tujuan tertentu oleh tuan tanah yang dilengkapi dengan perigi. Wakaf merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai tanpa membezakan darjat, agama dan keturunan (Shamsu Mohamad dan Siti Suhaily Surip, 2016). Terdapat beberapa Wakaf disekitar daerah Pasir Puteh antaranya adalah Wakaf

Tuan Farrer yang terletak di Pekan Pasir Puteh. Wakaf Tuan Farrer dinamakan sempena nama ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 iaitu Roland John Farrer.

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti sejarah kewujudan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan, mengkaji fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan kepada penduduk setempat dan mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Penyelidikan ini akan memberi pendedahan kepada semua tentang kepentingan mengekalkan bangunan dan monumen bersejarah. Sekiranya sesebuah monumen terdapatnya kepentingan awam terhadap pemeliharanya, misalnya boleh di senaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO). Warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita atau sejarah yang ditinggalkan perlulah dipelihara supaya dapat terus kekal dan menjadikan tarikan kepada orang ramai berkenaan kewujudannya.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Monumen adalah sejenis struktur yang dibina secara eksplisit untuk memperingati seseorang atau peristiwa, atau yang menjadi relevan dengan kumpulan sosial sebagai bahagian dari peringatan mereka tentang masa bersejarah atau warisan budaya, kerana estetika, sejarah, politik, teknikalnya atau kepentingan seni bina. Bangunan dan monumen bersejarah semakin dihimpit dan dipinggirkan oleh arus pemodenan. Monumen bersejarah merupakan sesuatu yang diwarisi daripada nenek moyang dahulu yang mempunyai nilai – nilai sejarah dan keunikan senibinanya serta apa yang kita hidup dengan harini untuk disampaikan kepada generasi masa depan (Prentice, 1993). Monumen bersejarah berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah yang memiliki nilai estetika, senibina, dan sosial budaya dipersekitaraan landskapnya. Bangunan atau monumen bersejarah dikategori kepada beberapa jenis iaitu bangunan

pentadbiran, institusi, tempat perdagangan, tempat keagamaan dan tempat kediaman (Kamarul Syahri, 2007).

Wakaf merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai tanpa membezakan darjat, agama dan keturunan (Shamsu Mohamad dan Siti Suhaily Surip, 2016). Wakaf Tuan Farrer merupakan sebuah monumen bersejarah sebagai tanda memperingati seorang Ketua Jajahan Pasir Puteh iaitu Roland John Farrer yang di hantar oleh Singapura untuk meredakan tentangan rakyat yang berlaku ketika Pasir Puteh di bawah Jajahan Inggeris dan Roland John Farrer berjaya menewaskan Inggeris serta dilantik sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915. Bangunan atau monumen tinggalan sejarah mempunyai keunikan dan reka bentuknya yang tersendiri seperti bahan arkeologi atau barangan purba. Warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita atau sejarah yang ditinggalkan perlulah dipelihara supaya dapat terus kekal dan menjadikan tarikan kepada orang ramai berkenaan kewujudannya.

A.Ghafar Ahmad (2006) ada menegaskan bahawa segala usaha pemuliharaan yang dilakukan ke atas bangunan atau monumen bersejarah perlu menitikberatkan kepentingannya seperti nilai sejarah, fungsi, senibina, usia, binaan, sosio-politik serta senibina rekebentuk yang menjadikan sesuatu itu berharga dan bernilai. Dari segi realitinya, tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah boleh berperanan untuk menjadi pelantar ekonomi yang mampan kepada pertumbuhan landskap arkeopelancongan Negara pada masa akan datang. Proses pengkalan bangunan dan monumen bersejarah bertujuan untuk mengembalikan kepentingan budaya sesuatu tempat dengan mengawal segala keselamatan dan penjagaannya pada masa kini dan akan datang (Syed Zainol, 1996). Bangunan dan monumen bersejarah mempunyai nilai sejarah, nilai estetika, senibina rekabentuk dan kepentingan sosial dan politik yang perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber sejarah Negara

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Kajian ini berkenaan dengan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan dan perlu dilakukan pemerhatian awal dan penyelidikan. Pernyataan masalah utama kajian ini adalah kenapa kurang maklumat mengenai sejarah Wakaf Tuan Farrer di Pasir Puteh sedangkan wakaf tersebut sudah bertapak di situ sekitar 100 tahun. Wakaf ini mempunyai nilai sentimental yang penting kepada penduduk sekitar Pasir Puteh tetapi disebabkan tiada bacaan ilmiah mengenai sejarah kewujudan wakaf ini menyebabkan penduduk sekitar kurang mengambil peduli mengenai sejarah kewujudan Wakaf Tuan Farrer. Disebabkan tiada bacaan ilmiah seperti artikel, keratan akhbar atau jurnal mengenai sejarah kewujudan Wakaf Tuan Farrer, anak muda disekitar Pasir Puteh langsung tidak tahu mengenai nilai sejarah yang terdapat pada wakaf tersebut.

Selain itu, Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Daerah Pasir Puteh dianggap sebagai (round the board) yang terletak di tengah Jalan Nara, Pasir Puteh. Penduduk setempat disekitar Wakaf Lama Tuan Farrer kurang pasti akan fungsi sebenar Wakaf Lama Tuan Farrer tersebut dikekalkan selama sekitar 100 tahun dahulu. Wakaf Tuan Farrer dijadikan sebagai (round the board) supaya bangunan atau monumen tersebut dikekalkan dan dijadikan sebagai bangunan atau monumen bersejarah. Wakaf tersebut bukan sahaja sebagai (round the board) tetapi mempunyai pelbagai fungsi yang lain.

Tambahan pula, Wakaf Tuan Farrer ini menjadi tanda tanya orang ramai mengenai sejarah yang berlaku sehingga wujudnya pembinaan wakaf ini. Orang ramai juga tertanya kenapa wakaf ini masih dikekalkan sehingga kini sedangkan tiada rujukan atau maklumat yang tepat mengenai wakaf tersebut. Penduduk sekitar Pasir Puteh juga kurang mengetahui mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada masyarakat sekitar sedangkan wakaf ini dijadikan mercu tanda di Pasir Puteh. Wakaf Tuan Farrer ini juga mempunyai senibina campuran daripada senibina Inggeris dengan senibina



Melayu. Keunikan senibina wakaf ini menarik minat pelancongan untuk mengunjunginya. Wakaf ini turut menjadi tanda tanya kenapa Wakaf ini masih dikekalkan di tengah-tengah Pekan Pasir Puteh.

Nilai warisan yang terdapat pada monumen atau bangunan Wakaf Lama Tuan Farrer mencapai syarat bahawa monumen atau bangunan tersebut dikekalkan. Kerosakan yang berlaku pada bangunan dan monumen bersejarah memberi gambaran negatif terhadap usaha pemuliharaan yang dilakukan di mata orang awam serta pelancong. Masyarakat kini kurang mengambil berat berkenaan istilah pemuliharaan bangunan atau monumen bersejarah. Mereka sering beranggapan bahawa usaha pemuliharaan seperti mereka mengubahsuai rumah mereka. Ahmad (1997) menegaskan bahawa tanggapan tersebut adalah salah kerana usaha pemuliharaan bangunan atau monumen bersejarah harus dijalankan mengikut prosedur yang betul dan telah ditetapkan agar nilai warisan pada bangunan atau monumen bersejarah dikekalkan.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan yang dinyatakan bagi mencapai objektif kajian. Antara persoalan kajian tersebut adalah:

1. Apakah sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan?
2. Apakah fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan kepada masyarakat setempat?
3. Bagaimanakah, persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan?

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian bagi mencapai matlamat kajian ini. Antara objektif kajian berikut adalah:

1. Mengenalpasti sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.
2. Mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh kepada masyarakat setempat.
3. Mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian diertikan ruang lingkup kepada kajian yang ingin dijalankan. Kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan memberi fokus kepada persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer. Lokasi kajian ini sekitar kawasan daerah Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini memberi fokus berkenaan dengan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer di sekitar kawasan daerah Pasir Puteh, Kelantan. Fokus utama untuk menganalisis data kajian ini adalah dengan memperolehi maklumat daripada kakitangan Majlis Daerah Pasir Putih serta maklumat tambahan diperolehi daripada pengunjung yang berada di kawasan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh.

Skop kajian mengenai sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, mengkaji fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada masyarakat setempat dan mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini dijalankan bagi mengetahui nilai sejarah yang ada pada wakaf ini sehingga ia masih megah teguh sehingga kini di lokasi asal. Kajian ini juga dilakukan bagi mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada masyarakat setempat. Selain itu,



wakaf ini juga mempunyai keunikan senibina campuran iaitu senibina Inggeris dengan senibina Melayu serta mempunyai nilai sentimental yang tinggi.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini memberi kepentingan kepada pelbagai pihak. Secara umumnya, kepentingan kajian ini adalah kepada Pihak Jabatan Warisan Negara, pihak pendidikan, pihak masyarakat, pihak sektor pelancongan dan individu. Penyelidikan ini mempunyai kepentingan yang besar kepada pihak-pihak tersebut dan memberi kelebihan atau keuntungan kepada mereka yang menjadikan penyelidikan ini sebagai rujukan dan panduan.

Kajian berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan berperanan menyumbang kepada khazanah ilmu, kerana penyelidikan ke atas Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang tinggi dapat dijadikan bukti-bukti sejarah terdahulu. Maka kajian ini penting untuk dijadikan sebagai rujukan atau bacaan ilmiah kepada generasi akan datang berkaitan wakaf tersebut. Kepentingan kajian ini dilihat daripada empat aspek iaitu kepentingan kepada individu, masyarakat, warisan serta pendidikan.

Kajian ini dapat dilihat daripada kepentingan individu yang melakukan penyelidikan berkenaan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh menjadikan kajian ini sebagai kajian literature dan rujukan kepada penyelidikan yang dijalankan oleh individu tersebut. Kepentingan kepada masyarakat boleh dilihat dengan mengetahui monumen atau bangunan lama yang mempunyai nilai sejarah dan nilai estetika perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai khazanah Negara. Melalui kajian ini, dapat dilihat pentingnya sesuatu kajian terhadap semua perkara.

Penyelidikan berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan dapat membantu menambahbaikkan sektor ekonomi berkenaan warisan. Proses pembangunan bandar moden tidak seharusnya diketepikan dalam pembangunan dan pemajuan bandar terutamanya bagi bandar-bandar yang tua usianya dan banyak pula harta warisannya serta berpotensi dijadikan sebagai tempat pelancongan. Monumen turut dibina untuk meningkatkan penampilan bandar atau lokasi yang menjadikan pusat pelancongan seperti Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

## **1.7 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan secara menyeluruh mengenai kajian yang dilakukan iaitu persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah kerana wujudnya permasalahan kajian. Jika kajian ini tidak mempunyai masalah, tiada sebab kajian ini perlu dilakukan. Maka, wujudlah persoalan kajian dan terbentuklah objektif kajian yang merupakan matlamat kajian. Fokus kajian ini adalah apakah sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Seterusnya apakah fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada masyarakat setempat dan apakah persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Tuntasnya, penyelidikan ini perlu dijalankan kerana ianya mempunyai banyak kepentingan kepada individu, masyarakat dan warisan, Maka dengan adanya kajian ini Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh akan dikekalkan dan dipelihara nilai sejarahnya dan nilai estetika yang terdapat pada Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan salah satu bab yang amat penting dalam penyelidikan ini. Bab ini mengandungi maklumat yang berkaitan sorotan kajian lepas yang bertujuan sebagai rujukan kajian lepas berkenaan dengan tajuk penyelidikan yang akan dijalankan serta memastikan bahawa kajian yang dilakukan tidak sama dengan kajian yang pernah dibuat oleh individu lain. Sorotan kajian ini, dilakukan melalui pencarian maklumat secara ilmiah atau rujukan buku-buku di perpustakaan, risalah-risalah, surat khabar, jurnal yang berkait rapat dengan kajian penyelidikan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, melalui sorotan kajian lepas ini pengkaji dapat melakukan proses penambahbaikan melalui penciptaan idea-idea yang baru dalam kajian ini.

#### 2.1 PENGERTIAN DEFINISI

##### 2.1.1 Definisi Persepsi

Persepsi merupakan salah satu elemen penting dalam proses berfikir. Menurut Edward de Bono (1969) proses berfikir mempunyai dua fasa iaitu fasa pertama ialah persepsi dan fasa kedua ialah logik. Di dalam buku berjudul 'Organizational Behavior' karya McShane dan Von Glinow dinyatakan '*Perception is the process of receiving information and making sense of the world around us*'. Persepsi berperanan cara berfikir pada peringkat awal. Persepsi merupakan satu informasi yang disampaikan daripada pengalaman, penceritaan atau kehidupan realiti mengenai sesuatu perkara.

Persepsi merupakan proses berfikir atau proses individu mentafsir melalui deria rangsangan serta mempunyai makna yang disampaikan. Persepsi juga diukur daripada perilaku atau reaksi yang dilakukan oleh individu yang dikenali sebagai pola-pola bermakna. Persepsi tidak berlaku secara automatik dan mengambil masa yang lama untuk melakukan proses pentafsiran dan pemahaman yang teratur (Mohd Salleh, 1995). Persepsi juga mencakup konteks kehidupan sosial, sehingga dikenalkan persepsi sosial. Definisi persepsi sosial adalah proses yang terjadi oleh individu yang bertujuan unntuk mengetahui, menginterpretasi dan mentafsir orang lain yang dipersepsi, mentafsir sifatnya, kualiti atau persepsi orang lain sehingga membentuk gambaran mengenai orang tersebut (Lindzey dan Aronson, 1985).

### **2.1.2 Definisi Masyarakat**

Masyarakat merupakan interaksi antara satu kumpulan manusia dengan kawasan atau sempadan yang telah ditetapkan dengan adanya budaya yang dikongsi bersama (Rahimah Abd. Aziz dan Mohamad Yusoff Ismail, 2000). Menurut Richard T.Schaefar (2003), masyarakat ialah "*a fairly large number of people who live in the same territory, are relatively independent of people outside it, and participante in a common culture*". Masyarakat berkongsi budaya yang sama dikalangan mereka (Soerjono Soekanto, 1970). Ketiga-tiga definisi tersebut mengaskan bahawa mnusian berinteraksi satu sama lain di kawasan atau tempat yang sama serta menghasilkan kebudayaan di kalangan mereka. Manusia berinteraksi anantara masyarakat yang lain (Mustafa Haji Daud, 1990). Fitrah semula jadi manusia iaitu tidak boleh bersendirian dan hidup dalam kalangan masyarakat.

### 2.1.3 Definisi Pengekalan

Istilah pengekalan dan pemuliharaan adalah mempunyai takrifan yang sama iaitu melibatkan pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambilkira kepentingannya kepada Negara dan masyarakat. Merujuk kepada ICOMOS (1999) (Piagam Burra) ada mendefinisikan pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan. Antara prosesnya termasuklah proses penyenggaraan, proses memulihara, restorasi dan pembinaan semula. Galeri Seni Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) (2006) telah mendefinisikan proses pemuliharaan menggunakan kaedah mengekalkan senibina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal dalam kerja-kerja baik pulih monumen dan tapak tanah bersejarah. A.Ghafar Ahmad (2006) ada menegaskan bahawa segala usaha pemuliharaan yang dilakukan ke atas bangunan atau monumen bersejarah perlu menitikberatkan kepentingannya seperti nilai sejarah, fungsi, senibina, usia, bahaan binaan, sosio-politik serta senibina rekebentuk yang menjadikan sesuatu itu berharga dan bernilai.

### 2.1.4 Definisi Wakaf

Wakaf merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai tanpa membezakan darjat, agama dan keturunan (Shamsu Mohamad dan Siti Suhaily Surip, 2016). Ciri utama senibina wakaf ialah berbentuk segi empat, tidak mempunyai dinding dan mempunyai pelantain yang rendah untuk aktiviti santai. Wakaf dinamakan berdasarkan nama kampung, atau nama orang yang mewakafkan atau penderma wang untuk membina wakaf. Biasanya, wakaf diberi nama mengikut siapa yang menghadihkannya, misalnya Wakaf Che Yeh yang dihadihkan oleh seorang yang bernama Cik Yeh (Othman Mohd Yatim dan A.Halim Nasir, 2000). Begitu juga dengan

wakaf yang terletak di berdekatan bulatan Jalan Nara di daerah Pasir Puteh, Kelantan yang dihadiahkan oleh seorang ketua jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 iaitu bernama Roland John Farrer, wakaf itu sehingga kini dikenali sebagai Wakaf Tuan Farrer. Di Pantai Timur terutamanya Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu, Wakaf sinonim dengan sebuah pondok yang dibina untuk tujuan tertentu oleh tuan tanah yang dilengkapi dengan perigi. Bangunan atau monumen tinggalan sejarah mempunyai keunikan dan reka bentuknya yang tersendiri.

## **2.2 LATAR BELAKANG / SEJARAH WAKAF TUAN FARRER, PASIR PUTEH, KELANTAN**

Wakaf Tuan Farrer telah dibina secara beransur-beransur bermula dari tahun 1917 sehingga siap pada tahun 1919. Wakaf Tuan Farrer dibina oleh penduduk Pasir Puteh bertujuan untuk kemudahan orang awam berehat atau berteduh seketika setelah penat berjalan dan bekerja. Wakaf Tuan Farrer dibina sempena memperingati perjuangan ketua jajahan Pasir Puteh yang mewaskan Inggeris ketika dahulu. Wakaf ini diberi nama Tuan Farrer sempena nama beliau iaitu Roland John Farrer merupakan Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915. Fungsi wakaf ini dibina kepada pengembara atau penduduk untuk berteduh setelah penat berjalan di sekitar daerah Pasir Puteh. Senibina wakaf unik kerana struktur bangunan daripada pengaruh campuran iaitu campuran Inggeris dan Melayu. Rekabentuk bumbung wakaf berbentuk "A" dan dihiasi dengan dekorasi perabung. Wakaf ini tercatatnya nama Wakaf iaitu Wakaf Tuan Farrer dalam perkataan khat jawi serta rumi. Wakaf tersebut dikekalkan sehingga kini atas faktor nilai warisan yang terdapat pada senibina wakaf tersebut yang berpotensi dijadikan monumen bersejarah.

Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai-nilai sejarah pada masa dahulu. Peristiwa yang berlaku ketika itu mewujudkan pembinaan wakaf ini yang dibina oleh



penduduk Pasir Puteh untuk kegunaan pengembara dan penduduk di sekitar Pasir Puteh. Kedatangan Ketua Jajahan Pasir Puteh iaitu Roland John Farrer bermula pada tahun 1915 kerana berlakukannya penentangan rakyat Kelantan di Daerah Pasir Puteh. Penentangan orang Melayu Kelantan tercetus disebabkan oleh penglibatan orang Inggeris dalam pentadbiran daerah Pasir Puteh. Penentangan tercetus tersebut dipandang serius dan Gabenor Negeri-Negeri Selat di Singapura telah menghantar *The Malays Guard* yang diketuai oleh Roland John Farrer dan dibarisi oleh tentera Gurkha. Akhirnya penentangan tersebut telah berjaya ditewaskan serta Roland John Farrer dilantik sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915. Untuk memperingati peristiwa sejarah dahulu dibina sebuah wakaf yang diberi nama Wakaf Tuan Farrer sempena nama Ketua Jajahan Pasir Puteh ketika itu (Othman Mohd Yatim dan A. Halim Nasir, 2000).

Wakaf Tuan Farrer telah mencecah usia 100 tahun masih berdiri tegah di Pekan Pasir Puteh. Penduduk beranggapan bahawa wakaf tersebut sebagai mercu tanda Pasir Puteh serta mempunyai nilai sentimental pada wakaf tersebut. Namun pada Mac 2008, wakaf yang menjadi mercu tanda Pasir Puteh telah runtuh kerana dirempuh kereta ketika berlaku kemalangan di situ sekaligus memusnahkan tinggalan Ikonik Inggeris di Pasir Puteh. Pihak bertanggungjawab iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh telah melakukan pemuliharaan serta membaikpulih terhadap monumen dan membina semula Wakaf Tuan Farrer serta membina pagar batu yang mengelilingi Wakaf tersebut. Senibina Monumen telah dibina sejak beribu-ribu tahun dahulu dan senibina monumen mempunyai simbol peradaban kuno yang paling tahan lama dan terkenal. Wakaf berasal dari Kelantan, Terengganu dan Selatan Thai dan senibina wakaf dibina oleh kaum Melayu, Cina dan Siam terutama di kawasan pedalaman di Negeri Kelantan dan Terengganu.

### 2.3 FUNGSI DAN PERANAN MONUMEN BERSEJARAH

Sejajar dengan kepesatan pembangunan, bangunan moden, dengan gaya terkini, mesra alam dan pencakar langit semakin mendominasi fizikal sesebuah bandar. Disebalik kemegahan bangunan moden, bangunan dan monumen bersejarah semakin dihimpit dan dipinggirkan oleh arus pemodenan. Monumen bersejarah merupakan sesuatu yang diwarisi daripada nenek moyang dahulu yang mempunyai nilai – nilai sejarah dan keunikan senibinanya serta apa yang kita hidup dengan harini untuk disampaikan kepada generasi masa depan (Prentice, 1993). Senibina monumen telah dibina sejak beribu-ribu tahun dahulu dan senibina monumen mempunyai simbol peradaban kuno yang paling tahan lama dan terkenal. Wakaf berasal dari Kelantan, Terengganu dan Selatan Thai dan senibina wakaf dibina oleh kaum Melayu, Cina dan Siam terutama di kawasan pedalaman di Negeri Kelantan dan Terengganu.

Monumen bersejarah berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah yang memiliki nilai estetika, senibina, dan sosial budaya dipersekitaraan landskapnya. Bangunan atau monumen bersejarah dikategori kepada beberapa jenis iaitu bangunan pentadbiran, institusi, tempat perdagangan, tempat keagamaan dan tempat kediaman (Kamarul Syahri, 2007). Monumen merupakan sejenis struktur yang telah dibina secara eksplisit sebagai tanda memperingati seseorang atau peristiwa atau yang menjadi relevan dengan kumpulan sosial sebagai peringatan tentang sejarah, warisan budaya, politik atau kepentingan senibinanya. Wakaf Tuan Farrer merupakan sebuah monumen bersejarah sebagai tanda memperingati seorang Ketua Jajahan Pasir Puteh iaitu Roland John Farrer yang di hantar oleh Singapura untuk meredakan tentangan rakyat yang berlaku ketika Pasir Puteh di bawah Jajahan Inggeris dan Roland John Farrer berjaya menewaskan Inggeris serta dilantik sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915.

Wakaf Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat berehat, berteduh, berbincang dan berhenti kepada masyarakat Pasir Puteh (Shamsu Mohamad dan Siti Suhaily Surip,



2016). Wakaf Tuan Farrer dibina oleh masyarakat melayu ketika tahun 1915 atas permintaan Ketua Jajahan Pasir Putih ketika itu iaitu Roland John Farrer sebagai tempat persinggahan beliau dan rakyatnya ketika berkhidmat di kawasan tersebut serta dibina untuk kemudahan masyarakat untuk dijadikan tempat berehat dan berteduh kepada rakyat ketika penat berjalan jauh dan melakukan kerja. Monumen juga berperanan samada sebagai tempat pentadbiran, institusi, tugu peringatan atau sebagainya. monumen termasuklah patung, tugu peringatan, bangunan bersejarah, tapak arkeologi dan aset budaya. Sesebuah monumen terdapatnya kepentingan awam terhadap pemeliharanya, misalnya boleh di senaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO).

Fungsi lain bagi monumen adalah untuk menyampaikan maklumat sejarah atau politik serta dapat meningkatkan potensi sosio-politik. Monumen turut dibina untuk meningkatkan penampilan bandar atau lokasi yang menjadikan pusat pelancongan seperti Tugu Negara, Kuala Lumpur. Struktur senibina monumen dikekalkan dan dipelihara atas faktor usianya, saiz, nilai sejarah, nilai estetika atau kepentingan sejarahnya. Tembok Besar China diisytiharkan sebagai monumen atas faktor usianya dan ukuran bangunannya yang besar dan beberapa peristiwa penting yang berlaku ketika itu (Goran Burenhutl, 1994). Bangunan atau monumen tinggalan sejarah mempunyai keunikan dan rekabentuknya yang tersendiri seperti bahan arkeologi atau barangan purba. Warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita atau sejarah yang ditinggalkan perlulah dipelihara supaya dapat terus kekal dan menjadikan tarikan kepada orang ramai berkenaan kewujudannya.

#### **2.4 KEPENTINGAN MENGEKALKAN MONUMEN BERSEJARAH**

Bangunan atau monumen bersejarah dibina sejak beribu-ribu tahun yang dahulu serta mempunyai simbol peradaban kuno yang kekal lama dan terkenal sehingga

sekarang dan masa akan datang. Bangunan dan monumen bersejarah berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah yang memiliki nilai estetika, senibina, dan sosial budaya dipersekitaraan landskapnya. Bangunan atau monumen bersejarah dikategori kepada beberapa jenis iaitu bangunan pentadbiran, institusi, tempat perdagangan, tempat keagamaan dan tempat kediaman (Kamarul Syahri, 2007). Sedar atau pun tidak kemusanahan warisan seperti bangunan atau monumen bersejarah disebabkan oleh proses pemandaran yang semakin pesat. Untuk memiliki bandar yang ideal dan sempurna perlu menitikberatkan pembangunan bandar dari segi fizikal serta mampu mengekalkan warisan budaya yang ada untuk tatapan generasi akan datang.

Proses pengekalan bangunan dan monumen bersejarah adalah merupakan elemen penting dalam proses pembangunan bandar. Proses tersebut bertujuan untuk mewujudkan kesinambungan antara pembangunan bandar moden dengan bangunan atau monumen peninggalan silam. Pun begitu, satu lagi dalam proses pembangunan bandar moden tidak seharusnya diketepikan dalam pembangunan dan pemajuan bandar terutamanya bagi bandar-bandar yang tua usianya dan banyak pula harta warisannya. Proses pengekalan bangunan dan monumen bersejarah bertujuan untuk mengembalikan kepentingan budaya sesuatu tempat dengan mengawal segala keselamatan dan penjagaannya pada masa kini dan akan datang (Syed Zainol, 1996). Bangunan dan monumen bersejarah mempunyai nilai sejarah, nilai estetika, senibina rekabentuk dan kepentingan sosial dan politik yang perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber sejarah Negara.

Malaysia amat bertuah kerana memiliki banyak tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah yang unik dan menarik. Bangunan dan monumen bersejarah mampu menjadi tarikan para pelancong dan serta meningkatkan sektor pelancongan. Swarbrooke (1994) menyatakan bahawa pelancongan yang berasaskan warisan atau dikenali sebagai pelancongan warisan menjadi tunjang utama untuk mempromosikan warisan Negara serta meningkatkan sektor pelancongan dan

mengalakkan kedatangan pelancong untuk melihat warisan yang kita pelihara sehingga kini. Razak (2006) memberi pendapat bahawa pelancongan warisan membuka peluang kepada pelancong untuk melihat khazanah warisan yang dimiliki daripada nenek moyang dahulu merangkumi elemen sejarah, kebudayaan, kesenian, alam semula jadi dan artifak. Manakala Dallen & Stephen (1998) mentakrifkan bahawa pelancongan warisan merupakan sebahagian daripada pelancongan, yang mana faktor utama pelancong untuk melawat tapak warisan adalah karakter tapak warisan dan berdasarkan persepsi pelancong terhadap warisan mereka. Arkeopelancongan dapat dikembangkan dengan memiliki taburan tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah. Pelancongan warisan turut disenaraikan dalam kepentingan mengekalkan bangunan atau monumen bersejarah.

Gabungan tapak warisan sama ada tapak arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah yang diwartakan dan ada juga telah diangkat menjadi warisan kebangsaan (Adnan Jusoh, 2016). Ini menunjukkan Negara kita mempunyai hala tuju yang jelas dalam usaha pengekalan dan pelestarian warisan Negara. Khazanah Negara bukan hanya wujud dalam bentuk hasil bumi seperti emas, bijih timah, hasil hutan atau minyak sahaja. Ia juga wujud dalam bentuk peninggalan warisan alam semula jadi dan juga hasil peninggalan masyarakat lampau. Powell (1994) menegaskan bahawa bangunan-bangunan bersejarah mempunyai nilai warisan daripada segi gaya senibina dan struktur bangunannya. Di Malaysia, terdapat beberapa buah bangunan dan monumen bersejarah yang dikekalkan sehingga kini yang terdiri daripada bangunan penjajahan dahulu dikenali sebagai zaman kolonial. Salah satu daripadanya ialah monumen, tapak warisan arkeologi dan bangunan bersejarah yang bertaburan di seluruh Negara kita sekarang. Boleh dilihat betapa pentingnya pengekalan dan pemeliharaan bangunan atau monumen yang bersejarah.

Rumusannya, kini kita berada di antara sebuah persimpangan, sama ada berusaha untuk terus menghidupkan khazanah warisan, atau melenyapkan warisan. Ini

kerana sekiranya kita melestarikan warisan bererti kita juga menghidupkan sejarah di Negara ini. Bangunan atau monumen yang dibina beribu-ribu tahun dahulu serta dikekalkan tahan lama tidak mungkin boleh dilenyapkan begitu sahaja atas sebab pembangunan bandar moden. Bangunan atau monumen tersebut berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah terdahulu serta dijadikan bukti sejarah Negara kita. Khazanah warisan perlu dipelihara dan dikekalkan kepada generasi baru sebagai bukti sejarah Negara beribu-ribu tahun dahulu. Elemen penting yang terdapat pada bangunan dan monumen seperti nilai sejarah, nilai estetika, kepentingan sosial dan politik serta senibina rekebentuk yang menjadikan sesuatu itu berharga dan bernilai. Dari segi realitinya, tapak warisan arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah boleh berperanan untuk menjadi pelantar ekonomi yang mampan kepada pertumbuhan landskap arkeopelancongan Negara pada masa akan datang.

## **2.5 KERANGKA TEORI**

Kerangka Teori merupakan suatu teori kepada para pengkaji untuk mewujudkan dan mengaplikasikan teori tersebut dalam penyelidikan yang dilakukan sebagai bukti dan sokongan dalam kajian yang dilakukan. Kaplan (1964) mentakrifkan bahawa teori boleh dilihat dari sudut yang luas serta satu cara berfikir berkenaan dengan keadaan yang kritikal. Lefrancois (1986) pula mentakrifkan bahawa teori adalah pengertian umum daripada sudut penciptaan atau pembinaan teori. Menurut beliau, teori merujuk kepada pernyataan berkaitan sesuatu perkara yang bertujuan untuk menyusun atau menjelaskan sesuatu perkara daripada pemerhatian. Istilah teori adalah bermaksud satu penyusunan idea dan konsep secara sistematik untuk menjelaskan dan mentafsirkan mengenai idea yang diperolehi. Penyelidikan mengumpulkan data, manakala teori pula memberi makna kepada data tersebut. Konsep teori adalah memberi pendedahan dan membantu pengkaji memahami mengenai kajian yang dijalankan bukan sahaja mengetahui apa yang berlaku tetapi mengapa iainya berlaku.

Intipati teori adalah bertujuan untuk menjelaskan bagaimana dan mengapa perkara-perkara tertentu saling berkait anatar satu sama lain.

Kajian penyelidikan ini akan menggunakan teori persepsi konstruktif, tujuan utama teori ini adalah mengenai persepsi yang dibuat boleh dibentuk dan dilakukan hipotesis yang berkaitan dengan persepsi tersebut berdasarkan apa yang diketahui melalui persepsi tersebut (Irwanto, 2002). Penyelidikan ini mengkaji mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan serta data yang diperolehi daripada kaedah kajian akan dilakukan hipotesis sebelum dijadikan sebagai dapatan kajian. Teori persepsi konstruktif berhubung kait dengan kajian yang dijalankan iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Teori ini menggunakan persepsi yang diperolehi akan dilakukan hipotesis berdasarkan apa yang diketahui melalui persepsi tersebut. Persepsi tersebut diketahui atau diterima daripada beberapa aspek iaitu daripada pengalaman, dan pengetahuan yang dipelajari tentang dunia. Teori persepsi konstruktif boleh diaplikasikan dalam kajian ini untuk menjawab segala persoalan kajian. Kajian ini mengumpul data persepsi masyarakat melalui pengalaman atau pengetahuan yang diketahui oleh masyarakat tersebut untuk diceritakan kepada pengkaji mengenai kajian yang dilakukan.

Teori persepsi konstruktif menggunakan konsep untuk hipotesiskan data yang diperolehi melalui pengalaman dan pengetahuan berkaitan kajian yang dilakukan. Kajian ini mengumpulkan data kajian melalui persepsi yang disampaikan oleh masyarakat kepada pengkaji. Masyarakat tersebut menyampaikan maklumat berkaitan kajian daripada pengalaman dan pengetahuan yang diketahui oleh mereka berkenaan dengan kajian iaitu persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Persepsi yang diperolehi boleh didapati dalam bentuk persepsi yang positif atau persepsi yang negatif mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan teori persepsi konstruktif dalam kajian ini kerana mempunyai hubung kait

yang sama untuk mencapai objektif kajian. Dengan menggunakan teori ini, pengkaji dapat merujuk dan berpandukan teori tersebut sepanjang menjalankan kajian. Penggunaan teori dalam kajian ini dapat membantu pengkaji mengetahui bukan sapa apa yang berlaku tetapi mengapa perkara itu berlaku.

## **2.6 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, sorotan kajian merupakan sumber sekunder yang diperolehi secara ilmiah. Sorotan kajian adalah kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji lain mengenai sesuatu kajian. Kaedah sorotan kajian boleh dijadikan sebagai panduan kepada para pengkaji mengenai kajian yang dilakukan. Sorotan kajian ini, dilakukan melalui pencarian maklumat secara ilmiah atau rujukan buku-buku di perpustakaan, risalah-risalah, surat khabar, jurnal yang berkait rapat dengan kajian penyelidikan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, melalui sorotan kajian lepas ini pengkaji dapat melakukan proses penambahbaikan melalui penciptaan idea-idea yang baru dalam kajian ini. Kajian terdahulu merupakan satu rujukan yang diperlukan bagi membuat kajian yang seumpama dengannya supaya tidak berlaku sebarang pertindihan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai cara-cara untuk mendapatkan data dan menganalisis data berkaitan kajian yang dilakukan dengan menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif kajian. Metodologi kajian merupakan medium yang penting dalam sesuatu penyelidikan bagi memperolehi kaedah kajian yang bersesuaian dan berkesan dalam menjawab kesemua permasalahan kajian. Menurut Homby (1985) metodologi merupakan satu set kajian yang digunakan dalam kajian yang dijalankan ke atas subjek kajian yang tertentu. Pemilihan kaedah kajian yang bersesuaian dengan penyelidikan dijalankan dapat mencapai objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, terdapat beberapa sub topik yang digunakan dalam penyelidikan ini antaranya ialah pendekatan kajian, rekabentuk kajian, data kualitatif, data kuantitatif, dan analisis data.

#### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian melibatkan metodologi kajian bersifat “mixed method” atau “pendekatan campuran” yang melibatkan pendekatan “historical, qualitative dan quantitative” dalam kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Pendekatan kualitatif bermaksud prosuder penyelidikan yang menghasilkan data dalam gambaran yang boleh diamati (Lexy,2007). Penyelidikan ini menggunakan kaedah pendekatan kajian kes yang memfokuskan pada satu tempat sahaja iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes adalah satu daripada pendekatan kajian bertujuan mendapatkan maklumat sama ada berkenaan individu, institusi, artifak, situasi, atau

fenomena secara mendalam. Pendekatan kajian ini adalah melakukan pendokumentasian melalui temubual, dokumentasi foto, dan pemerhatian lapangan berhubung subjek kajian. Kerja-kerja pendokumentasian akan dilakukan di Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes bertujuan mengumpul data berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Dalam kajian ini, analisis data yang berkaitan kajian ini akan diambil kira sebagai hasil penelitian lapangan. Pendekatan kuantitatif merupakan pengumpulan data yang diperolehi secara pengiraan statistik. Menurut Chua (2011) menyatakan bahawa kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden yang ramai melebihi 10 orang responden dalam proses pengumpulan data penyelidikan. Dalam konteks ini, pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik bagi mencapai objektif kajian.

### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian merupakan cara yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan penyelidikan dalam mengendalikan kajian, prosedur dan teknik yang digunakan dalam menjawab persoalan kajian (McMillan & Schumacher, 1984). Rekabentuk kajian merupakan salah satu kaedah kajian yang penting dalam penyelidikan. Penyelidikan mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan menggunakan pendekatan “mixed method” atau “pendekatan campuran” yang melibatkan pendekatan “historical, qualitative, quantitative”. Pendekatan kualitatif terbahagi kepada beberapa kaedah iaitu temubual informan, pemerhatian, dan perpustakaan. Pendekatan kuantitatif pula merupakan data yang diperolehi secara pengiraan statistik mengikut objektif tertentu. Pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik informan untuk mendapatkan data kajian. Kaedah kajian digunakan untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan, mengetahui fungsi Wakaf



Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan dan mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

Dalam konteks ini untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti sejarah kewujudan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu menemubual setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu Encik Rosdi Yaacob, Puan Roslina Binti Abdul Ghani dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh selaku pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh serta kaedah kajian perpustakaan dengan mendapatkan data melalui jurnal, artikel, buku, keratan akhbar dan internet. Objektif kajian yang kedua iaitu mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan menggunakan kaedah kajian secara kaedah kualitatif iaitu temubual, kajian perpustakaan dan kaedah soal selidik. Manakala objektif ketiga iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan menggunakan kaedah kajian kuantitatif iaitu soal selidik serta diedarkan kepada penduduk setempat Pasir Puteh dan pengunjung Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

### **3.3 DATA KUALITATIF**

Pendekatan kualitatif bermaksud prosedur penyelidikan yang menghasilkan data dalam gambaran yang boleh diamati (Lexy, 2007). Pendekatan kualitatif tidak melibatkan pengiraan peratusan statistik tetapi melibatkan kaedah temubual informan, pemerhatian dan perpustakaan. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pendekatan kajian kes yang memfokuskan pada satu tempat sahaja iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes adalah satu daripada pendekatan kajian bertujuan mendapatkan maklumat sama ada berkenaan individu, institusi, artifak, situasi, atau fenomena secara mendalam. Pendekatan kajian ini adalah melakukan pendokumentasian melalui temubual, dokumentasi foto, dan pemerhatian lapangan

berhubung subjek kajian. Kerja-kerja pendokumentasian akan dilakukan di Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes bertujuan mengumpul data berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Kaedah data kualitatif ini berbentuk imej dan teks secara umum dan berdasarkan pengalaman peserta. Data kualitatif terbahagi kepada dua iaitu data primer melibatkan temubual informan dan pemerhatian dan data sekunder pula melibatkan kaedah perpustakaan.

### **3.3.1 Data Primer**

Data primer merupakan data yang diperolehi secara langsung daripada bahan atau sumber asli dan bahan yang belum ditafsir mahupun dicetak. Kaedah pengumpulan data dalam penyelidikan ini dibahagikan kepada dua jenis sumber iaitu data primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi terdiri daripada kaedah temubual, pemerhatian, soal selidik dan juga rakaman audio, video, catatan serta mengambil foto. Data primer melibatkan cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan individu yang terlibat dalam kajian ini.

#### **3.3.1 (a) Temubual Informan**

Kaedah temubual melibatkan cara berkomunikasi dengan orang sumber bagi pertanyaan mengenai sejarah Wakaf Tuan Farrer, fungsi Wakaf Tuan Farrer kepada penduduk setempat dan persepi terhadap pengekalan Wakaf Tuan Farrer. Kaedah temubual melibatkan cara berkomunikasi secara atas talian internet melalui aplikasi (Whatapps). Dalam kajian ini, temubual melibatkan kakitangan Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu Encik Rosdi Yaacob, Puan Roslina Binti Abdul Ghani dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh selaku pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh

### **3.3.1 (b) Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan penglibatan pengkaji secara langsung untuk meninjau sekitar lokasi kajian. Kaedah ini amat penting dalam penyelidikan untuk mengetahui keadaan sebenar lokasi kajian serta kaedah ini dapat mengumpul data kajian dengan lebih banyak dan sahih. Penyelidikan ini melakukan pemerhatian di sekitar kawasan Wakaf Tuan Farrer di daerah Pasir Puteh yang terletak di Negeri Kelantan Darul Naim. Melalui kaedah ini, pengkaji boleh melihat sendiri senibina wakaf dan struktur bangunan wakaf yang dipelihara sehingga kini merupakan peninggalan sejarah dahulu.

### **3.3.1 (c) Soal Selidik**

Kaedah soal selidik merupakan data kuantitatif serta dikategorikan sebagai data primer. Kaedah soal selidik dilakukan untuk mengumpul data secara statistik peratusan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik kepada 100 orang responden secara atas talian internet menggunakan aplikasi (google form) atas faktor pandemic covid 19 yang menjadin kekangan kepada pengkaji menjalankan soal selidik secara bersemuka. Pengumpulan data boleh diperolehi melalui statistik pengiraan peratusan daripada borang soal selidik yang diedarkan.

### **3.3.1 (d) Catatan**

Kaedah catatan merupakan kaedah yang penting diperlukan ketika melakukan proses menganalisis data sebagai bukti yang sahih. Kaedah ini dilakukan ketika pengkaji melakukan kaedah temubual bersama orang sumber mengenai penyelidikan yang dijalankan. Catatan dibuat pada sebuah buku sebagai bukti data yang diperolehi

daripada orang sumber. Catatan dapat memudahkan pengkaji semasa melakukan proses menganalisis data.

### **3.3.1 (e) Rakaman Video dan Audio**

Kaedah rakaman video dan audio dilakukan ketika pengkaji menjalankan kaedah temubual dan pemerhatian. Kaedah rakaman audio dilakukan ketika pengkaji menemubual orang sumber sebagai bukti data yang diperolehi daripada kaedah temubual. Seterusnya, kaedah rakaman video turut dilakukan ketika menjalankan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat semasa melakukan kaedah analisis data. Pengkaji merakam video di sekitar kawasan Wakaf Tuan Farrer dari struktur bangunan, senibina dan kehidupan masyarakat yang tinggal disekitar wakaf tersebut sebagai bukti peninggalan pada zaman jajahandahulu.

### **3.3.1 (f) Mengambil Foto**

Kaedah pengambilan foto dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kaedah pengambilan foto dilakukan berkenaan dengan Wakaf Tuan Farrer serta serba sedikit mengenai kehidupan masyarakat yang tinggal sekitar Wakaf Tuan Farrer untuk dijadikan sebagai lampiran kajian. Kaedah pengambilan foto dilakukan oleh pengkaji sepanjang melakukan pemerhatian di kawasan kajian.

### **3.3.2 Data Sekunder**

Data sekunder terdiri daripada beberapa sumber bertulis dan sumber rujukan seperti jurnal, buku, internet dan perpustakaan. Data sekunder merupakan sumber-sumber yang diperolehi daripada mana-mana dokumen untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji.

### 3.3.2 (a) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan kaedah gambaran awalan yang digunakan oleh pengkaji untuk mengetahui serba sedikit mengenai penyelidikan yang dijalankan iaitu persepsi masyarakat terhadap pengkalan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian perpustakaan melibatkan sumber daripada majalah, artikel, surat khabar dan jurnal yang berkaitan dengan penyelidikan. Pengkaji terlebih dahulu menggunakan kajian perpustakaan untuk mengenalpasti permasalahan kajian. Kaedah perpustakaan memberi pendedahan serba sedikit kepada pengkaji mengenai sejarah Wakaf Tuan Farrer, senibina bangunan wakaf dan budaya masyarakat sekitar kawasan wakaf sebelum melakukan kajian secara dekat dan mendalam.

### 3.3.2 (b) Internet

Pengkaji menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan data tambahan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji sering menggunakan kaedah internet untuk mengetahui serba sedikit mengenai kajian sebelum melakukan kajian di lokasi kajian yang pilih. Kaedah internet terdiri daripada sumber laman web, blog, jurnal, artikel dan buku-buku *online* yang boleh membantu pengkaji mengumpul data mengenai penyelidikan. Lokasi kajian juga dikenalpasti oleh pengkaji melalui kaedah internet yang memudahkan pengkaji mengetahui mengenai Wakaf Tuan Farrer.

## 3.4 Data Kuantitatif

Data kuantitatif merupakan data yang diperolehi secara pengiraan statistik mengikut objektif tertentu. Data kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik informan untuk mendapatkan data kajian yang lebih banyak. Data yang diperolehi daripada kaedah kuantitatif adalah dalam bentuk pengiraan statistik yang dikumpul daripada edaran

borang soal selidik yang diedarkan kepada pengunjung Wakaf Tuan Farrer dan penduduk setempat sekitar kawasan Wakaf Tuan Farrer. Menurut Chua (2011) menyatakan kaedah kuantitatif merupakan kaedah yang menggunakan statistik yang melibatkan bilangan responden yang ramai melebihi 10 orang responden dalam mengukur pembolehubah penyelidikan. Dalam konteks ini, pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik bagi mencapai objektif kajian. Kaedah soal selidik ini melibatkan pengunjung Wakaf Tuan Farrer dan penduduk setempat disekitar kawasan Wakaf Tuan Farrer.

#### **3.4.1 Kaedah Soal Selidik**

Kaedah soal selidik merupakan satu set soalam atau item dalam bentuk tulisan. Kaedah soal selidik merupakan satu alat dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang menjawab persoalan kajian. Kaedah soal selidik dilategorikan sebagai data sekunder dalam proses pengumpulan data. Pengkaji melakukan kaedah soal selidik dengan menyediakan borang soal selidik kepada 100 orang responden dengan menggunakan platform atas talian internet (google form). Soal selidik ini memberikan focus pada kalangan masyarakat setempat yang tinggal di Daerah Pasir Puteh. Penyelidikan ini menggunakan kaedah soal selidik secara tertutup serta diedarkan kepada individu yang dipilih sahaja

#### **3.5 PERSAMPELAN**

Kaedah pensampelan ialah salah satu kaedah yang memberikan satu cara untuk pengkaji mendapatkan sampel yang mempunyai ciri-ciri perwakilan (representativeness). Persampelan bermaksud pemilihan suatu kumpulan (orang, institusi, tempat, atau fenomena) yang ingin diselidik oleh pengkaji. Persampelan merupakan proses memilih sekumpulan (orang, institusi, tempat, atau fenomena) oleh




pengkaji untuk sesuatu penyelidikan yang mewakili kumpulan besar (orang, institusi, tempat, atau fenomena) yang dipilih. Tujuan persampelan adalah untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu populasi (orang, institusi, tempat, atau fenomena). Dalam penyelidikan ini kaedah pensampelan melibatkan kajian kualitatif melalui kaedah temubual, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Kaedah temubual dilaksanakan dengan menemubual individu dan institusi yang mengetahui berkenaan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Individu yang ditemubual ialah Encik Rosdi Yaacob merupakan setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan, Puan Roslina Binti Abdul Ghani dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh selaku pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian (Non probability sampling). Pensampelan bukan kebarangkalian ini merupakan proses memilih sekumupulan (orang, institusi, tempat, atau fenomena) yang telah ditetapkan oleh pengkaji seperti memilih peringkat umur 20 tahun ke atas untuk menjawab soalan soal selidik. Penetapan responden ini adalah bergantung pada skop kajian sesuai pada peringkat umur berapa atau sebagainya. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian secara pensampelan kuota (Quota Sampling) dan Pensampelan bergantung pada subjek yang ada (Reliance available on subject). Pensampelan kuota (Quota Sampling) dilakukan secara menetapkan peringkat umur, pekerjaan, bangsa dan sebagainya. Pensampelan bergantung pada subjek yang ada (Reliance available on subject) merupakan pensampelan mendapatkan responden secara subjek yang ada berdekatan lokasi kajian iaitu pengunjung Wakaf Tuan Farrer dan penduduk setempat di sekitar Wakaf Tuan Farrer bagi memperoleh maklumat data kajian.



### 3.6 CARTA ALIRAN METODOLOGI

Carta aliran metodologi merupakan panduan dan rujukan kepada pengkaji dalam melaksanakan penyelidikannya. Terdapat tiga bahagian penting mengenai kaedah kajian dalam carta aliran metodologi dalam menjalankan penyelidikan iaitu mengenalpasti kaedah kajian yang digunakan sebelum menjalankan penyelidikan, mengenalpasti kaedah kajian yang digunakan semasa menjalankan kajian dan mengenalpasti kaedah kajian yang digunakan selepas menjalankan kajian. Fungsi carta aliran ini sebagai panduan yang memudahkan pengkaji menjalankan kaedah kajian sepanjang melaksanakan penyelidikan.



Rajah 3.1: menunjukkan carta aliran metodologi

(Sumber: Pengkaji, Tahun 2020)

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan proses sistematik dalam menganalisis hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah kajian. Analisis data melibatkan proses sintesis data dan pengurusan data untuk mendapatkan hasil dapatan kajian daripada penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji menggunakan pendekatan (mixed method) atau pendekatan campuran dalam mencapai sasaran objektif kajian. Hasil data yang diperolehi daripada kaedah kajian akan dikumpul dan analisiskan untuk dijadikan sebagai dapatan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji.

Sumber data dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer adalah data yang diperolehi daripada hasil temu bual yang dijalankan secara atas talian internet(whatapps), pemerhatian, soal selidik serta merakam audio, video, foto dan catatan. Data sekunder pula hasil yang diperolehi daripada hasil carian melalui kajian perpustakaan dan internet yang terdiri daripada sumber bacaan ilmiah, jurnal, majalah dan artikel. Kedua-dua sumber ini digunakan bagi mengukuhkan lagi data kajian untuk dianalisis data. Teknik analisis data dibahagi kepada dua bahagian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Menurut Miles dan Huberman (1994) analisis data mempunyai dua peringkat iaitu peringkat pertama dan peringkat kedua. Pada peringkat pertama, pengkaji memulakan dengan pengumpulan data secara menyeluruh daripada hasil kaedah kajian yang digunakan. Manakala pada peringkat kedua, pengkaji menggunakannya selepas melakukan proses pengumpulan data bagi menganalisis secara menyeluruh data kajian yang diperolehi.

Data analisis bahagian kualitatif merupakan analisis pada peringkat pertama dilakukan secara serentak dan berterusan semasa dan di luar lapangan. Dalam kajian ini pengkaji membuat analisis pertama semasa melakukan kaedah pemerhatian. Isu yang memerlukan penjelasan akan dilakukan secara kaedah temubual. Pengkaji juga berpeluang mendapatkan dokumen yang berkaitan bagi tujuan triangulasi. Kesemua data akan dikumpul dan susun dalam bentuk catatan lapangan dan koleksi pita audio.

Data ini akan dikumpul dan disusun melalui tiga peringkat iaitu peringkat pembersihan data, memahami data dan dianalisis untuk pembentukan kod dan kategori.

Data analisis kuantitatif yang biasanya digunakan adalah analisis statistik. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan analisis statistik bagi menganalisis data kuantitatif. Analisis statistik terbahagi kepada dua iaitu statistik deskriptif dan statistik Inferensial. Pengkaji menggunakan analisis statistik deskriptif untuk menganalisis data dengan cara mendeskripsikan atau menggambarkan data yang telah dikumpulkan tanpa membuat kesimpulan. Penyediaan data boleh dilakukan dalam bentuk visual seperti *pie chart*, *diagram*, *table* dan seumpamanya bagi menganalisis data. Pengkaji turut menggunakan analisis statistik inferensial bersifat memaparkan data dalam analisis ini juga akan dilakukan kesimpulan dan membuat keputusan berdasarkan analisis statistik deskriptif. Dalam analisis ini dibuat pemboleh ubah atau hubungan antara dua variable (analisis korelasional) dan membuat perbandingan antara dua variable atau lebih (analisis komparasi) untuk mendapatkan keputusan analisis data.

### **3.9 PENUTUP**

Metodologi merupakan cara-cara untuk mendapatkan data dan menganalisis data berkaitan kajian yang dilakukan dengan menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif kajian. Metodologi kajian merupakan medium yang penting dalam sesuatu penyelidikan bagi memperolehi kaedah kajian yang bersesuaian dan berkesan dalam menjawab kesemua permasalahan kajian. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pendekatan kajian kes yang memfokuskan pada satu tempat sahaja iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes adalah satu daripada pendekatan kajian bertujuan mendapatkan maklumat sama ada berkenaan individu, institusi, artifak, situasi, atau fenomena secara mendalam. Pendekatan kajian ini adalah melakukan pendokumentasian melalui temubual, dokumentasi foto, dan

pemerhatian lapangan berhubung subjek kajian. Kerja-kerja pendokumentasian akan dilakukan di Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes bertujuan mengumpul data berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Dalam kajian ini, analisis data yang berkaitan kajian ini akan diambil kira sebagai hasil penelitian lapangan. Dalam penyelidikan kaedah pensampelan kajian kualitatif melalui kaedah temubual, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Kaedah temubual dilaksanakan dengan menemubual individu dan institusi yang mengetahui berkenaan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Individu yang ditemubual ialah Encik Rosdi Yaacob merupakan setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan, Puan Roslina Binti Abdul Ghani dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh selaku pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian (Non probability sampling). Pensampelan bukan kebarangkalian ini merupakan proses memilih sekumupulan (orang, institusi, tempat, atau fenomena) yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian secara pensampelan kuota (Quota Sampling) dan Pensampelan bergantung pada subjek yang ada (Reliance available on subject).

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan salah satu bab yang amat penting dalam penyelidikan ini. Bab ini membincangkan mengenai data yang diperolehi daripada metodologi kajian yang terdiri daripada kaedah pemerhatian, kajian literature, kaedah keperustakaan kaedah temu bual, dan kaedah soal selidik, kajian untuk mencapai objektif kajian. Metodologi ini digunakan sebagai satu platform untuk mencapai objektif kajian mengenai penyelidikan berkaitan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Data yang dikumpul akan di analisis dan dihuraikan dengan lebih teliti dan jelas dalam bahagian dapatan kajian. Dapatan kajian merupakan hasil daripada kajian yang didapati oleh pengkaji mengenai penyelidikan tersebut.

#### 4.1 PROSEDUR DALAM MENJALANKAN KAJIAN

Prosedur dapatan kajian adalah berkaitan dengan cara kajian tersebut dijalankan bagi mendapatkan hasil dapatan kajian. Hal ini kerana ianya berfungsi sebagai panduan kepada pengkaji untuk menjalankan penyelidikan. Tatacara ini juga digunakan untuk menjawab persoalan kajian serta objektif kajian berkaitan penyelidikan dan untuk mengetahui perkembangan kajian daripada awal kajian hingga akhir kajian.

#### **4.1.1 Memohon Surat Kebenaran Menjalankan Kajian**

Tatacara sebelum menjalankan kajian adalah memohon surat kebenaran menjalankan kajian. Pada tarikh 1 Julai 2020, pengkaji telah memohon surat kebenaran menjalankan kajian di sebuah organisasi kerajaan iaitu Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan serta lokasi kajian iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan untuk mengumpul maklumat melalui metodologi kajian bertujuan untuk menjawab objektif kajian.

#### **4.1.2 Memperoleh Surat Kebenaran Menjalankan Kajian**

Surat kebenaran menjalankan kajian adalah penting sebagai bukti bahawa pengkaji dibenarkan menjalankan kajian di lapangan kajian atau lokasi kajian yang dipilih. Pada tarikh 8 Julai 2020, pengkaji telah memperolehi surat kebenaran daripada Pihak Universiti Malaysia Kelantan untuk menjalankan kajian di Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan dan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Antara berikut merupakan surat kebenaran menjalankan kajian. Surat kebenaran permohonan menjalankan penyelidikan boleh rujuk pada lampiran.

#### **4.1.3 Membuat Soalan Temu Bual**

Tatacara yang dilakukan selepas memperolehi surat kebenaran menjalankan kajian ialah membuat soalan temu bual yang berkaitan objektif kajian iaitu mengenali sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan dan mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat bagi penduduk setempat. Pengkaji menyediakan soalan temubual kepada responden agar proses temubual berjalan dengan lancar serta soalan-soalan yang dibuat dapat mencapai

persoalan dalam kajian ini. Metodologi kajian ini adalah penting untuk memperolehi maklumat yang sahih daripada responden sebelum dijadikan analisis kajian.

#### **4.1.4 Membuat Temujanji Untuk Sesi Temubual**

Pengkaji telah mengenalpasti tiga individu yang boleh ditemubual oleh pengkaji iaitu Encik Rosdi Bin Ya'acob merupakan setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh, Puan Roslina Binti Abdul Ghani merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh. Pengkaji telah menghantar maklumat untuk menetapkan temujanji untuk sesi temubual bersama mereka melalui platform emel dengan menghantar kepada alamat emel [it.mdpputeh.gov.my](mailto:it.mdpputeh.gov.my) kepada Pihak Majlis Daerah Pasir Puteh. Pihak Majlis Daerah Pasir Puteh telah menetapkan tarikh pada 12 Oktober 2020 dan 13 Oktober 2020 untuk sesi temubual secara dalam media sosial menggunakan media (whatapps) untuk sesi temubual. Media (whatapps) dipilih untuk menjalankan sesi temubual adalah disebabkan oleh pandemik Covid 19 yang merebak ke seluruh Negara dan diarah oleh kerajaan untuk mengamalkan (perintah kawalan pergerakan, PKP) serta (Standard Operation Procedure, SOP) yang telah ditetapkan. Hal ini demikian dilakukan atas talian internet secara (whatapps) adalah atas arah daripada pihak Majlis Daerah Pasir Puteh.

#### **4.1.5 Menjalankan Temubual**

Pada tarikh 12 Oktober 2020, pengkaji bersama Encik Rosdi Bin Ya'acob dan Puan Roslina Binti Abdul Ghani telah menjalankan sesi temubual dengan menggunakan media sosial iaitu media (whatapps). Pada tarikh 13 Oktober 2020, Pengkaji menjalankan temubual bersama Encik Azlan Bin Mat Jusoh merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan temubual kepada tiga responden temubual. Pengkaji menyediakan soalan temubual berkaitan



objektif kajian pertama iaitu mengenalpasti sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan dan objektif kajian kedua iaitu mengkaji fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat. Hasil temubual akan dirumuskan dan di analisis dalam dapatan kajian.

Nama Responden Temubual	Encik Rosdi Bin Ya'acob	Puan Roslina Binti Abdul Ghani	Encik Azlan Bin Mat Jusoh
Jawatan	Setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh	Pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh	Pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh
Tarikh Dan Masa Ditemubual	Tarikh: 12 Oktober 2020 Masa: 10.00 pagi – 12.00 tengah hari	Tarikh: 12 Oktober 2020 Masa: 2.00 petang – 4 petang.	Tarikh: 13 Oktober 2020 Masa: 10.00 pagi – 11.00 pagi
Tempat Ditemubual	Secara atas talian internet (whatapps)	Secara atas talian internet (whatapps)	Secara atas talian internet (whatapps)

Jadual 4.1: menunjukkan jadual maklumat informan yang ditemubual.

#### 4.1.6 Temubual Instrumen

Responden temubual bagi penyelidikan ini ialah Encik Rosdi Bin Ya'acob yang merupakan setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh, Puan Roslina Binti Abdul Ghani yang merupakan pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh. Temubual dilakukan adalah

berkaitan kajian persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

#### **4.1.7 Mengumpul Maklumat Diperolehi Hasil Daripada Temubual Dijalankan**

Hasil daripada temubual akan dikumpul dan dirumuskan dalam bentuk laporan kajian bagi mendapatkan dapatan kajian. Maklumat yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisis sebagai bukti mengenai kajian tersebut. Maklumat yang diperolehi merupakan data primer yang diperolehi secara terus daripada responden temubual. Hasil yang diperolehi akan dirumuskan bagi mendapatkan menjawab mengenai persoalan kajian serta objektif kajian.

#### **4.1.8 Membuat Soalan Soal Selidik**

Tatacara ini dilakukan selepas melakukan kaedah temubual bersama pihak Majlis Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Pengkaji membuat soalan soal selidik berkaitan objektif kajian iaitu fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan dan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Soalan soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A adalah maklumat demografi, bahagian b adalah soalan mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan dan bahagian c adalah soalan berkaitan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

#### **4.1.9 Menjalankan Soal Selidik**

Pengkaji menetapkan jumlah responden seramai 100 orang bagi menjawab soal selidik ini. Kaedah soal selidik ini dilakukan pada tarikh 20 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 secara atas talian internet menggunakan aplikasi (google form) bagi

memudahkan responden menjawab soalan soal selidik tersebut. Pengkaji menggunakan platform atas talian internet semasa menjalankan kaedah soal selidik atas faktor yang ditetapkan daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan bagi menjalankan kajian mengikut (Standard Operation Procedure) yang ditetapkan bagi keselamatan pelajar semasa pandemik 19.

#### **4.1.10 Mengumpul Maklumat Diperolehi Hasil Daripada Soal Selidik Dijalankan**

Hasil daripada soal selidik akan dikumpul dan dirumuskan dalam bentuk statistik serta akan dihuraikan dalam bentuk laporan penuh untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Maklumat daripada soal selidik merupakan data sekunder yang diperolehi daripada responden temubual. Data dikumpul akan dijadikan sebagai bukti pengkaji menjalankan kajian mengenai tajuk persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

## **4.2 ANALISIS MAKLUMAT SOAL SELIDIK**

Maklumat demografi digunakan bagi mendapatkan taburan demografi responden iaitu umur, jantina, bangsa, dan pekerjaan. Kaedah soal selidik merupakan data kuantitatif serta dikategorikan sebagai data primer. Kaedah soal selidik dilakukan untuk mengumpul data secara statistik peratusan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji akan menyediakan borang soal selidik kepada 100 orang responden melalui atas talian menggunakan aplikasi (google form) mengenai penyelidikan berkaitan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Pengumpulan data boleh diperolehi melalui statistik pengiraan peratusan daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pengunjung Wakaf Tuan Farrer dan penduduk setempat di sekitar Wakaf Tuan Farrer. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A adalah maklumat demografi responden, Bahagian B adalah

berkaitan objektif kedua iaitu fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat dan Bahagian C adalah berkaitan objektif ketiga iaitu persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.


#### 4.3 Bahagian A – Maklumat Demografi Responden

Maklumat demografi responden soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang responden melalui atas talian internet menggunakan aplikasi (google form) berkaitan Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

##### 4.3.1 Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
21 – 30 Tahun	79	79
31 – 40 Tahun	10	10
41 – 50 Tahun	10	10
50 Tahun Ke Atas	1	1
Jumlah	100	100

Jadual 4.2: menunjukkan jadual taburan responden mengikut umur




Rajah 4.2: menunjukkan carta pai taburan responden Mengikut umur

Berdasarkan jadual 4.2. dan rajah 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 100 orang r <sup>51 ke atas</sup> melalui atas talian internet menggunakan aplikasi (google form). Taburan responden mengikut umur paling tinggi adalah berumur 21 tahun hingga 30 tahun iaitu seramai 79 orang bersamaan dengan 79 % manakala Taburan responden mengikut umur 31 tahun hingga 40 tahun dan 41 tahun hingga 50 tahun adalah sama iaitu seramai 10 orang bersamaan dengan 10%. Selain itu, taburan responden mengikut umur paling rendah adalah berumur 51 tahun ke atas iaitu seramai seorang bersamaan dengan 1%. Hal ini membuktikan bahawa taburan responden menikut umur 21 tahun hingga 30 tahun lebih mengetahui mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat dan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

#### 4.3.2 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Lelaki	29	29
Perempuan	71	71
Jumlah	100	100

Jadual 4.3: menunjukkan jadual taburan responden mengikut jantina




Rajah 4.3: menunjukkan carta pai taburan responden mengikut jantina

Berdasarkan jadual 4.3 dan rajah 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 100 orang responden mengikut dua kategori jantina iaitu lelaki dan perempuan. Taburan responden mengikut jantina paling tinggi adalah jantina perempuan iaitu seramai 71 orang bersamaa dengan 71% manakala taburan responden mengikut jantina paling rendah adalah jantina lelaki iaitu seramai 29 orang bersamaan dengan 29%. Hal ini menunjukkan bahawa kategori jantina perempuan lebih terdorong menggunakan aplikasi atas talian berbanding kategori jantina lelaki.

### 4.3.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Melayu	95	95
Cina	3	3
India	1	1
Lain-lain	1	1
Jumlah	100	100

Jadual 4.4: menunjukkan jadual taburan responden mengikut bangsa



Rajah 4.4: menunjukkan carta pai taburan responden mengikut bangsa


Berdasarkan jadual 4.4 dan rajah 4.4 menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Soal selidik ini diedarkan kepada 100 responden untuk mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat dan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Taburan responden mengikut bangsa paling tinggi adalah Melayu iaitu seramai 95 orang bersamaan dengan 95% manakala taburan responden mengikut bangsa Cina adalah seramai 3 orang bersamaan dengan 3%. Selain itu, taburan responden mengikut bangsa paling rendah adalah India dan lain-lain iaitu seramai seorang bersamaan dengan 1%. Hal ini demikian kerana penduduk Kelantan paling tinggi adalah terdiri daripada penduduk berbangsa Melayu berbanding bangsa Cina, India dan Lain-lain.



#### 4.3.4 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Pekerjaan	Kekerapan (Orang)	Peratus (%)
Kerajaan	8	8
Kakitangan Swasta dan Persendirian	14	14
Pelajar	65	65
Lain-lain	13	13
Jumlah	100	100

Jadual 4.5: menunjukkan jadual taburan responden mengikut pekerjaan



Rajah 4.5: menunjukkan carta pai taburan responden mengikut pekerjaan

Berdasarkan jadual 4.5 dan rajah 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 100 orang responden untuk mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Putih Kelantan kepada penduduk setempat dan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Putih Kelantan. Taburan responden mengikut pekerjaan paling tinggi adalah kalangan pelajar iaitu seramai 65 orang bersamaan dengan 65% manakala taburan responden mengikut pekerjaan kakitangan swasta dan persendirian adalah seramai 14 orang bersamaan dengan 14%. Selain itu, taburan responden mengikut pekerjaan bagi katagori lain-lain adalah seramai 13 orang bersamaan dengan 13% dan taburan responden mengikut pekerjaan paling rendah adalah kerajaan iaitu seramai 8 orang

bersamaan dengan 8%. Hal ini demikian menunjukkan bahawa taburan mengikut pekerjaan kategori pelajar adalah paling tinggi kerana pelajar lebih terdorong menggunakan media atas talian internet iaitu (google form) bagi menjawab soal selidik mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat dan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan berbanding pekerjaan kategori kerajaan, kakitangan swasta dan persendirian serta lain-lain.


#### **4.4 Bahagian B – Fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan Kepada Penduduk Setempat**

Bahagian B merupakan bahagian soalan mengenai objektif kedua iaitu fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan Kepada Penduduk Setempat. Di Bahagian B disediakan lima soalan iaitu soalan pertama adalah Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai. Soalan kedua pula adalah Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung. Selain itu, soalan ketiga adalah Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan. Seterusnya soalan keempat adalah Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai dan soalan kelima adalah Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang. Setiap soalan ini diberi lima pilihan jawapan mengikut lima skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Soalan soal selidik ini diedarkan kepada 100 orang responden melalui atas talian internet menggunakan aplikasi (google form).

**4.4.1 Taburan Responden Soalan 1: Wakaf Lama Tuan Farrer Merupakan Binaan Bangunan Kecil Yang Dijadikan Sebagai Tempat Berteduh, Tempat Berhenti, Tempat Berehat Untuk Kegunaan Orang Ramai.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.	3	3	6	6	13	13	55	55	23	23

Jadual 4.6: menunjukkan jadual taburan responden soalan 1: Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.




Rajah 4.6: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.

Berdasarkan jadual 4.6 dan rajah 4.6 menunjukkan taburan responden soalan Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan ini paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 55 orang bersamaan dengan 55% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 23 orang bersamaan dengan 23%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 13 orang bersamaan dengan 13% dan taburan responden yang memilih skala likert tidak setuju adalah seramai 6 orang bersamaan dengan 6%. Manakla taburan responden paling rendah memilih skala likert sangat tidak setuju iaitu seramai 3 orang bersamaan dengan 3. Hal ini demikian membuktikan bahawa fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat adalah binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai kerana paling tinggi memilih skala likert setuju bagi soalan tersebut.

**4.4.2 Taburan Responden Soalan 2: Wakaf Lama Tuan Farrer Berfungsi Sebagai Tempat Bersantai Dan Berehat Bagi Penduduk Setempat Serta Pengunjung.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.	8	8	7	7	12	12	52	52	21	21

Jadual 4.7: menunjukkan jadual taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.




Rajah 4.7: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.

Berdasarkan jadual 4.7 dan rajah 4.7 menunjukkan taburan responden soalan Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan ini paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 52 orang bersamaan dengan 52% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 21 orang bersamaan 21%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 12 orang bersamaan dengan 12% dan taburan responden memilih skala likert sangat tidak setuju adalah seramai 8 orang bersamaan dengan 8% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert tidak setuju iaitu seramai 7 orang bersamaan dengan 7%. Hal ini demikian membuktikan bahawa fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan adalah sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung kerana paling tinggi memilih skala likert setuju dengan pernyataan soalan ini.

**4.4.3 Taburan Responden Soalan 3: Wakaf Lama Tuan Farrer Sering Digunakan Sebagai Tempat Perbincangan Atau Tempat Berkumpul Orang Ramai Semasa Mengadakan Perjumpaan.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer Sering Digunakan Sebagai Tempat Perbincangan Atau Tempat Berkumpul Orang Ramai Semasa Mengadakan Perjumpaan.	11	11	10	10	15	15	51	51	13	13

Jadual 4.8: menunjukkan jadual taburan responden soalan 3 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.



Rajah 4.8: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 3 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.




Berdasarkan jadual 4.8 dan rajah 4.8 menunjukkan taburan responden soalan Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan ini paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 51 orang bersamaan dengan 51% manakala taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 15 orang bersamaan dengan 15%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 13 orang bersamaan dengan 13% dan taburan responden memilih skala likert sangat tidak setuju adalah seramai 11 orang bersamaan dengan 11% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert tidak setuju iaitu seramai 10 orang bersamaan dengan 10%. Hal demikian menerangkan bahawa taburan responden yang paling tinggi bagi soalan Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan adalah skala likert setuju. Oleh itu, melalui soal selidik ini didapati bahawa fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan adalah sebuah wakaf yang sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.

**4.4.4 Taburan Responden Soalan 4: Wakaf Lama Tuan Farrer Berperanan Sebagai Mercu Tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh Kepada Orang Ramai.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai	3	3	2	2	12	12	56	56	27	27

Jadual 4.9: menunjukkan jadual taburan responden soalan 4 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai




Rajah 4.9: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 4 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai.

Berdasarkan jadual 4.9 dan rajah 4.9 menunjukkan taburan responden soalan 4 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 56 orang bersamaan dengan 56% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 27 orang bersamaan dengan 27%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 12 orang bersamaan dengan 12% dan taburan responden yang memilih skala likert sangat tidak setuju adalah seramai 3 orang bersamaan dengan 3% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert tidak setuju iaitu 2 orang bersamaan dengan 2%. Hasil soal selidik bagi soalan Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai paling tinggi memilih skala likert setuju. Hal ini demikian dapat disimpulkan bahawa fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai.

**4.4.5 Taburan Responden Soalan 5: Wakaf Lama Tuan Farrer Berperanan Sebagai Khazanah Warisan Serta Dijadikan Bukti Tinggalan Sejarah Dahulu Kepada Generasi Akan Datang.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.	3	3	4	4	8	8	49	49	36	36

Jadual 4.10: menunjukkan jadual taburan responden soalan 5 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.



Rajah 4.10: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 5 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.

Berdasarkan jadual 4.10 dan rajah 4.10 menunjukkan taburan responden soalan 5 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 49 orang bersamaan dengan 49% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju pula adalah seramai 36 orang bersamaan dengan 36%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 8 orang bersamaan dengan 8% dan taburan responden yang memilih skala likert tidak setuju adalah seramai 4 orang bersamaan dengan 4% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert sangat tidak setuju iaitu seramai 3 orang bersamaan dengan 3%. Dalam jadual ini menunjukkan bahawa taburan responden bagi soalan Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang paling tinggi memilih skala likert setuju. Hal ini membuktikan bahawa fungsi Wakaf Tuan Farrer adalah sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.

#### **4.5 Bahagian C – Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.**

Bahagian C merupakan soalan mengenai objektif III iaitu Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Terdapat lima soalan yang disediakan di bahagian C iaitu soalan pertama adalah Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan. Soalan kedua pula ialah Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu. Selain itu soalan ketiga adalah pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara Kolonial dan soalan keempat adalah rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Seterusnya soalan kelima iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara. Setiap soalan di bahagian C diberikan lima pilihan jawapan mengikut lima skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Soal selidik ini diedarkan kepada 100 orang responden melalui atas talian menggunakan aplikasi (google form).


MALAYSIA

KELANTAN

**4.5.1 Taburan Responden Soalan 1: Wakaf Lama Tuan Farrer Merupakan Bukti Tinggalan Jajahan Dahulu Dan Mercu Tanda Daerah Pasir Puteh Wajar Dikekalkan Binaannya Untuk Dijadikan Khazanah Warisan Kelantan.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
	Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan.	4	4	2	2	6	6	48	48	40

Jadual 4.11: menunjukkan jadual taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh Wajar Dikekalkan Binaannya Untuk Dijadikan Khazanah Warisan Kelantan.



Rajah 4.11: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh Wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan.




Berdasarkan jadual 4.11 dan rajah 4.11 menunjukkan taburan responden soalan 1 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 48 orang bersamaan dengan 48% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju dipilih seramai 40 orang bersamaan dengan 40%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 6 orang bersamaan dengan 6% dan taburan responden yang memilih skala likert sangat tidak setuju adalah seramai 4 orang bersamaan dengan 4% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert tidak setuju iaitu seramai 2 orang bersamaan dengan 2%. Melalui soal selidik ini dapat dianalisis bahawa masyarakat sekeliling mempunyai persepsi terhadap kepentingan mengekalkan Wakaf Lama Tuan Farrer yang menyatakan bahawa Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan.

**4.5.2 Taburan Responden Soalan 2: Wakaf Lama Tuan Farrer Perlu Dipelihara Serta Dikekalkan Agar Gaya Seni Bina Wakaf Tersebut Dapat Menunjukkan Perbezaan Era Dan Garis Masa Bangunan Yang Menwakili Identiti Entik Tertentu.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu	2	2	4	4	7	7	43	43	44	44

Jadual 4.12: menunjukkan jadual taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan

Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.




Rajah 4.12: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.

Berdasarkan jadual 4.12 dan rajah 4.12 menunjukkan taburan responden soalan 2 iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina Wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert sangat setuju iaitu seramai 44 orang bersamaan dengan 44% manakala taburan responden yang memilih skala likert setuju adalah seramai 43 orang bersamaan dengan 43%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 7 orang bersamaan dengan 7% dan taburan responden memilih skala likert tidak setuju adalah seramai 4 orang bersamaan dengan 4% serta taburan responden paling rendah memilih skala likert sangat tidak setuju iaitu seramai 2 orang bersamaan dengan 2%. Hal ini demikian membuktikan bahawa masyarakat beranggapan yang Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina Wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.

**4.5.3 Taburan Responden Soalan 3: Pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunakan oleh Negara Kolonial.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunakan oleh Negara Kolonial.	3	3	5	5	12	12	50	50	30	30

Jadual 4.13: menunjukkan jadual taburan responden soalan 3 iaitu pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunakan oleh Negara kolonial.



Rajah 4.13: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 3 iaitu pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunakan oleh Negara kolonial.

Berdasarkan jadual 4.13 dan rajah 4.13 menunjukkan taburan responden soalan iaitu pengekal seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara kolonial. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan 3 paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 50 orang bersamaan dengan 50% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 30 orang bersamaan dengan 30%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 12 orang bersamaan dengan 12% dan taburan responden yang memilih skala likert tidak setuju adalah seramai 5 orang bersamaan dengan 5% serta taburan responden bagi soalan ini paling rendah memilih skala likert sangat tidak setuju iaitu seramai 3 orang bersamaan dengan 3%. Melalui soal selidik ini dapat dianalisis bahawa masyarakat beranggapan pengekal seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara kolonial kerana idea senibina Wakaf ini tercetus daripada Residen British yang menjajah di Daerah Pasir Puteh pada satu ketika dahulu.

**4.5.4 Taburan Responden Soalan 4: Rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang	3	3	1	1	10	10	49	49	37	37

Jadual 4.14: menunjukkan jadual taburan responden soalan 4 iaitu rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.



Rajah 4.14: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 4 iaitu rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.

Berdasarkan jadual 4.14 dan rajah 4.14 menunjukkan taburan responden soalan 4 iaitu rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert setuju iaitu seramai 49 orang bersamaan dengan 49% manakala taburan responden yang memilih skala likert sangat setuju adalah seramai 37 orang bersamaan dengan 37%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 10 orang bersamaan dengan 10% dan taburan responden yang memilih skala sangat tidak setuju adalah seramai 3 orang bersamaan dengan serta taburan responden paling rendah memilih skala likert tidak setuju iaitu seramai seorang bersamaan dengan 1%. Hal ini demikian membuktikan bahawa persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer adalah penting kerana rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.



**4.5.5 Taburan Responden Soalan 5: Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer Sebagai Bangunan Warisan Dapat Menyumbang Kepada Kelestarian Ekonomi Disamping Kepentingan Nilai Warisan Terus Terpulihara.**

Pernyataan	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpulihara.	2	2	1	1	5	5	41	41	51	51

Jadual 4.15: menunjukkan jadual taburan responden soalan 5 iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpulihara.



Rajah 4.15: menunjukkan carta bar taburan responden soalan 5 iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpulihara.

Berdasarkan jadual 4.15 dan rajah 4.15 menunjukkan taburan responden soalan 5 iaitu pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara. Soalan ini mengandungi lima pilihan jawapan mengikut skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan sangat setuju. Taburan responden bagi soalan tersebut paling tinggi memilih skala likert sangat setuju iaitu seramai 51 orang bersamaan dengan 51% manakala taburan responden yang memilih skala likert setuju adalah seramai 41 orang bersamaan dengan 41%. Selain itu, taburan responden yang memilih skala likert kurang setuju adalah seramai 5 orang bersamaan dengan 5% dan taburan responden bagi soalan 5 memilih skala likert sangat tidak iaitu seramai 2 orang bersamaan dengan 2% serta taburan responden paling rendahnya memilih skala likert tidak setuju iaitu seramai seorang bersamaan dengan 1%. Hal ini dapat disimpulkan bahawa masyarakat beranggapan yang pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara.

#### 4.6 DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini yang dijalankan adalah mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Dapatan kajian merupakan hasil yang diperolehi daripada beberapa kaedah kajian atau metodologi kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji untuk dianalisis atau dihuraikan oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian serta menentukan samada objektif kajian ini tercapai atau sebaliknya. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian bersifat (mixed method) atau pendekatan campuran yang melibatkan pendekatan (qualitative dan quantitative) dalam kaedah pengumpulan data dan penganalisaan data. Pendekatan kualitatif terbahagi kepada beberapa kaedah iaitu temubual informan, pemerhatian, dan perpustakaan. Pendekatan kuantitatif pula merupakan data yang diperolehi secara pengiraan statistik mengikut objektif tertentu. Pendekatan kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik informan untuk mendapatkan data kajian.

Pengumpulan data kajian ini adalah secara melakukan pendokumentasian melalui temubual, dokumentasi foto, dan pemerhatian lapangan berhubung subjek kajian. Kerja-kerja pendokumentasian akan dilakukan di Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan serta temubual dilakukan secara atas talian (whatapps) kerana faktor kekangan yang dihadapi iaitu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan”, PKP disebabkan pandemik Covid-19. Pengkaji telah menemubual 3 tiga orang individu iaitu Encik Rosdi Bin Ya’acob merupakan setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh, Puan Roslina Binti Abdul Ghani merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh dan Encik Azlan Bin Mat Jusoh merupakan pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh. Hasil temubual akan dianalisis dan dihuraikan serta dijadikan sebagai dapatan kajian mengenai Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

Nama Responden Temubual	Encik Rosdi Bin Ya'acob	Puan Roslina Binti Abdul Ghani	Encik Azlan Bin Mat Jusoh
Jawatan	setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh	pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh	pembantu tadbir di Majlis Daerah Pasir Puteh
Tarikh Dan Masa Ditemubual	Tarikh: 12 Oktober 2020 Masa: 10.00 pagi – 12.00 tengah hari	Tarikh: 12 Oktober 2020 Masa: 2.00 petang – 4 petang.	Tarikh: 13 Oktober 2020 Masa: 10.00 pagi – 11.00 pagi
Tempat Ditemubual	Secara atas talian (whatapps)	Secara atas talian (whatapps)	Secara atas talian (whatapps)

Rajah 4.16: menunjukkan carta maklumat informan yang ditemubual.

Data kuantitatif merupakan data yang diperolehi secara pengiraan statistik mengikut objektif tertentu. Data kuantitatif melibatkan kaedah soal selidik informan untuk mendapatkan data kajian yang lebih banyak. Kaedah soal selidik dilakukan untuk mengumpul data secara statistik peratusan mengenai penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji telah melakukan soal selidik secara atas talian menggunakan aplikasi (google form) dan telah mengedarkan soalan soal selidik kepada 100 orang responden bagi menjawab soal selidik tersebut. Borang soal selidik ini disediakan tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai maklumat demografi responden, bahagian B adalah soalan objektif II iaitu fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada penduduk setempat dan bahagian C adalah soalan mengenai persepi masyarakat terhadap pengkalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Hasil soal selidik akan dikira dalam bentuk peratusan statistik dan akan dianalisis dan dihurakan sebagai

dapatan kajian mengenai Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

#### **4.6.1 Analisis Sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan**

Dalam konteks konsep sejarah terbahagi kepada dua konsep iaitu konsep sejarah fakta dan konsep sejarah fiksi. Konsep sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer adalah konsep sejarah secara fakta. Sejarah mempunyai banyak istilah dan defines tetapi sama daripada segi makna dan maksud iaitu asal usul dan peristiwa yang berlaku pada tahun-tahun dahulu. Istilah sejarah adalah berasal daripada perkataan arab “syajarah atau syajaratun” yang bermakna pokok. Istilah lain sejarah adalah salasilah, peristiwa riwayat, tarikh atau asal usul. Dalam konteks ini akan diterangkan dan dianalisis mengenai sejarah sebuah Wakaf Lama yang ditemui di sebuah Daerah iaitu Daerah Pasir Puteh yang terletak di Negeri Che Siti Wan Kembang (Kelantan).

Negeri-negeri yang terletak di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang sangat sinonim dengan senibina atau rekabentuk binaan bangunan kecil yang dikenali sebagai “wakaf” atau mudah dikenali oleh orang ramai sebagai gazebo atau pondok rehat. Perkataan “wakaf” adalah berasal daripada perkataan arab yang merujuk kepada satu cara bersedekah atau menyerahkan harta dan wang untuk kegunaan orang ramai (Shamsu Mohamad dan Siti Suhaily Surip, 2016). Tetapi di Negeri- Negeri Pantai Timur perkatan “wakaf” merujuk kepada binaan bangunan kecil iaitu tempat berehat, tempat berteduh atau tempat perbincangan bagi orang ramai tanpa mengira bangsa mahupun darjat. Senibina dan rekabentuk wakaf adalah berbentuk empat segi, tidak mempunyai, pelantaian rendah dan ergonomik untuk aktiviti bersantai, serta mempunyai pelbagai bentuk bumbung seperti piramid setingkat, dua tingkat, tiga tingkat dan berbentuk bumbung limas. Penyelidikan ini memfokuskan kepada sebuah wakaf lama yang terletak di Negeri Che Siti Wan Kembang (Kelantan) iaitu di Daerah Pasir Puteh yang dikenali sebagai Wakaf Lama Tuan Farrer.



Rajah 4.17: Rajah menunjukkan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan sebelum diselenggarakan binaan yang runtuh (1919 – 2008)

[Sumber-<http://adisaufi.blogspot.com/2010/11/wakaf-tuan-farrer-monumen-sejarah-ranap.html>, 2020]

#### **4.6.1.1 Kedatangan Roland John Farrer, Ketua Jajahan Pasir Puteh (1915 – 1919) Ke Pasir Puteh, Kelantan**

Hasil daripada temubual iaitu Encik Rosdi menyatakan bahawa sejarah pembinaan sebuah bangunan kecil iaitu tempat berteduh, tempat berehat dan tempat berbincang untuk orang ramai yang dikenali sebagai “wakaf” yang terletak di Daerah Pasir Puteh Kelantan yang terkenal dengan nama Wakaf Lama Tuan Farrer turut dikaitkan dengan kedatangan seorang penasihat British ke Kelantan atas faktor berlakunya penentangan pentadbiran kolonial British pada tahun 1915. Pada tahun



1904, British telah menakluk Kawasan Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu dibawah naungannya (Arkib Negara, 2020). Pentadbiran kolonial pada ketika itu telah melantik beberapa orang ketua jajahan bagi setiap daerah untuk menjalankan pemerintahan mereka dibawah. Di Negeri Kelantan, British membuka sebuah bandar yang dikenal sebagai Pengkalan Limbongan serta menukarkan nama bandarnya kepada nama baru iaitu Daerah atau Bandar Pasir Puteh pada tahun 1904.

Peralihan kuasa ketua jajahan Pasir Puteh saling bertukar ganti mengikut tempoh pemerintahan. Daerah Pasir Puteh pada tahun 1915 berada di bawah pemerintahan IncheYim merupakan Ketua Jajahan Pasir Puteh yang dilantik pada ketika itu. Pada tahun 1915 berlaku satu peristiwa besar iaitu kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial yang memerintah Negeri tersebut (Arkib Negara, 2020). Faktor kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial adalah disebabkan oleh kuasa pemerintahan Engku Besar iaitu pemerintah Pasir Puteh sebelum kedatangan British mulai merosot dan tergugat kerana ketua jajahan British telah mengambil alih bidang kuasanya untuk memerintah Daerah Pasir Puteh. Penindasan yang berlaku terhadap orang melayu Kelantan semakin hari semakin teruk terutamanya apabila IncheYim telah meluluskan satu sistem kutipan hasil daripada penduduk untuk menambahkan hasil kepada kerajaan. Fenomena ini menunjukkan bahawa petani mahupun penduduk terbeban dengan kadar sistem kutipan hasil tersebut.

Hamdan Azizi (2016) melalui buku berjudul Sejarah Peperangan Tok Janggut di Kelantan menerangkan bahawa Kebangkitan penentangan ini diketuai oleh Tok Janggut iaitu bekas panglima kepada almarhum Engku Seri Maharaja Jeram. Sikap keberanian dalam menegakkan keadilan rakyat yang ditonjolkan oleh Tok Janggut mendapatkan sambutan daripada rakyat untuk menentang pentadbiran kolonial. Namun kebangkitan rakyat untuk menentang British semakin reda apabila IncheYim telah ditukar ganti oleh Nik Salleh selaku Ketua Jajahan Pasir Puteh. Sebalik berlaku semula kebangkitan rakyat menentang British selepas Nik Salleh ditukar ganti kepada IncheLatiff iaitu orang



Singapura yang dilantik sebagai Ketua Jajahan Pasir Putih ketika itu. IncheLatiff atau Encik Lattif telah menjalankan semula sistem kutipan duit hasil seperti yang dilakukan oleh IncheYim dahulu. Hal ini demikin mula menimbulkan kegelisahan orang kampung terhadap penindasan tersebut. Maka bermula kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial pada tahun 1915.



Rajah 4.18: Rajah menunjukkan Tokoh Tok Janggut iaitu perjuang semasa jajahan Inggeris di Kelantan

[Sumber: Internet - <https://www.astroawani.com/berita-Malaysia/penjajah-tertipu-tok-janggut-tidak-terkorban-waris-87330>, 2020]

Semasa peristiwa kebangkitan rakyat Kelantan menentang pentadbiran kolonial tersebut semakin serius dan parah, IncheLatiff telah melaporkan peristiwa tersebut kepada sekretariat di Singapura serta telah memaksa Gabenor Negeri- Negeri Selat di Singapura untuk menghantar sepasukan The Malays States Guard untuk mengawal situasi atau keadaan semasa peristiwa penentangan tersebut berlaku (Nik Haslinda Nik Hussain, 2016). Dan akhirnya British berjaya menjatuhkan Tok Janggut dengan menfitnah beliau sebagai penderhaka kerana mencetuskan huru hara dan usaha Tok Janggut tebatas kerana tidak mendapat sokongan daripada istana bahkan British telah

memperalatkan istana sehinggalah Tok Janggut tewas dan mati syahid ketika memperjuangkan keadilan rakyat. Kematian Tok Janggut telah melemahkan pasukannya yang turut sama menentang pentadbiran kolonial pada ketika itu. Encik Azlan Bin Mat Jusoh iaitu individu yang ditemubual menyatakan bahawa Tok Janggut mati syahid di Kampung Dalam Pupuh dan mayatnya diarak dalam kedudukan mayat secara songsang mengelilingi Kota Bharu. Akhirnya kebangkitan penentangan rakyat Kelantan terhadap pentadbiran kolonial berjaya dipatahkan dan British kembali memerintah Daerah Pasir Puteh.

Setelah British berjaya mematahkan kebangkitan penentangan tersebut, British telah menghantar seorang Pemangku Penasihat British bagi langkah pemulihan pemerintahan British di Pasir Puteh (Arkib Neagara, 2020). Pemangku Penasihat British serta selaku Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 adalah Roland John Farrer telah dihantar daripada Singapura ke Kelantan untuk memerintah Daerah Pasir Puteh. Tempoh pemerintahan Roland John Farrer adalah bermula tahun 1915 dan berakhir pada tahun 1919 kerana beliau telah membuat keputusan untuk kembali ke Singapura semula serta menetap di sana bersama keluarganya. Apa yang dikaitkan dengan sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer dengan kedatangan seorang Pemangku Penasihat British dari Singapura ke Kelantan iaitu Roland John Farrer adalah merupakan idea tercetusnya pembinaan bangunan kecil tersebut sebagai tempat berehat, tempat berteduh, tempat berbincang serta tempat bersantai yang terletak di Daerah Pasir Puteh Kelantan.



Rajah 4.19: Rajah menunjukkan Pemangku Penasihat British selaku Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 – 1919

[Sumber- [https://web.facebook.com/BuletinPasirPuteh/posts/siapakah-tuan-farrer-nama-penuh-beliau-adalah-roland-john-farrer-dilahirkan-pada/1651970248282726/?\\_rdc=1&\\_rdr](https://web.facebook.com/BuletinPasirPuteh/posts/siapakah-tuan-farrer-nama-penuh-beliau-adalah-roland-john-farrer-dilahirkan-pada/1651970248282726/?_rdc=1&_rdr), 2020]

#### **4.6.1.2 Sejarah Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan**

Wakaf Lama Tuan Farrer terletak di Daerah Pasir Puteh di Negeri Che Siti Wan Kembang (Kelantan). Menurut Encik Rosdi Bin Ya'acob iaitu individu yang ditemubual menyatakan bahawa wakaf ini dibangunkan atau dibina secara beransur-ansur pada tahun 1917 dan siap sepenuhnya pada tahun 1919. Wakaf ini dikenali sebagai Wakaf Lama Tuan Farrer sempena nama Ketua Jajahan Pasir Puteh ketika itu iaitu Roland John Farrer. Pembinaan wakaf ini dilakukan oleh Penduduk Pasir Puteh yang diupah oleh Tuan Farrer untuk menyiapkan wakaf tersebut untuk kegunaan kemudahan orang awam sebagai tempat berehat atau tempat berteduh kepada orang ramai setelah penat berjalan mahupun bekerja sepanjang hari. Senibina dan rekabentuk Wakaf Tuan Farrer mempunyai pengaruh daripada Inggeris dan Melayu. Selain itu, Wakaf juga dibina bagi memperingati perjuangan Tuan Farrer kepada Penduduk Pasir Puteh sewaktu beliau menjadi Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915. Beliau diarahkan datang memerintah Di Pasir Puteh pada tahun 1915 bagi mengawal keadaan selepas

berlakunya kebangkitan penentangan rakyat Kelantan terhadap pentadbiran kolonial. Pemerintahan beliau adalah langkah pemulihan pemerintahan British di Negeri Kelantan.



Rajah 4.20: Rajah menunjukkan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh  
Kelantan

[Sumber- Pengkaji, 2020)

Pada ketika itu, Wakaf Lama Tuan Farrer dibina untuk kemudahan para pengembara untuk berehat dan berteduh setelah penat mengembara atau berjalan. Selain itu, wakaf ini juga digunakan oleh orang ramai untuk kemudahan tempat berehat dan tempat berteduh setelah penat berjalan. Wakaf Lama Tuan Farrer mempunyai nilai estetika yang tinggi daripada segi senibinanya. Senibina wakaf unik kerana struktur bangunan daripada pengaruh campuran iaitu campuran Inggeris dan Melayu. Rekabentuk bumbung wakaf berbentuk "A" dan dihiasi dengan dekorasi perabung. Wakaf Tuan Farrer berbentuk empat segi, tidak mempunyai dinding dan mempunyai pelantain yang rendah dan ergonomik sebagai tempat berehat. Puan Roslina Binti Abdul Ghani iaitu individu yang ditemubual menyatakan wakaf ini tercatatnya nama Wakaf iaitu Wakaf Tuan Farrer dalam perkataan khat jawi serta rumi. Wakaf tersebut dikekalkan sehingga kini atas faktor nilai warisan yang terdapat pada senibina wakaf tersebut yang berpotensi dijadikan monumen bersejarah. Wakaf Tuan Farrer menjadi

mercu tanda Daerah Pasir Puteh sebagai lambang jajahan dahulu sewaktu British menakluk Kelantan pada tahun 1904.



Rajah 4.21: Rajah menunjukkan rekabentuk bumbung bentuk “A” dan nama Roland John Farrer atau Tuan Farrer dipahat pada wakaf tersebut.

[Sumber – Pengkaji, 2020)

Binaan Wakaf Lama Tuan Farrer masih utuh di Daerah Pasir Puteh sehingga kini serta Puan Roslina Binti Abdul Ghani turut menyatakan usia wakaf tersebut mencecah 100 tahun yang dianggap sebagai monumen bersejarah. Pada Mac 2008, sebahagian binaan Wakaf Lama Tuan Farrer runtuh akibat rempuhan daripada kenderaan yang terbabas ketika memandu disekitar Jalan Nara iaitu lokasi Wakaf Tuan Farrer dibina ketika dahulu. Akibat daripada rempuhan tersebut, sebahagian binaan wakaf runtuh dan mengalami kerosakan yang teruk sehingga menyebabkan binaan tersebut kehilangan senibina aslinya (Integrity and Authenticity). Majlis Daerah Pasir Puteh bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan dan pemuliharaan Wakaf Tuan Farrer. Proses penyelenggaraan ini dilakukan oleh Majlis Daerah Pasir Puteh dan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan serta Pihak Muzium Negeri Kelantan untuk menaiktaraf semula Wakaf tersebut selepas mengalami keruntuhan disebabkan rempuh kenderaan



yang terbabas. Pada tahun 2010, pembinaan semula Wakaf Tuan Farrer telah siap sepenuhnya tetapi terdapat beberapa faktor yang menyebabkan wakaf ini tidak dapat mengekalkan keaslian daripada segi senibina daripada penggunaan bahan kayu ditukar kepada penggunaan bahan konkrit. Hanya beberapa bahan binaan asli sahaja tidak dapat dikekalkan tetapi rekabentuk dan senibina masih dikekalkan keasliannya agar binaan bangunan kecil ini masih dianggap sebagai monumen bersejarah bagi Penduduk Pasir Puteh.



Rajah 4.22: Rajah menunjukkan Binaan Wakaf Tuan Farrer selepas proses penyelenggaraan.

[Sumber – Pengkaji, 2020]

#### **4.6.2 Analisis Fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan Kepada Penduduk Setempat.**

Dalam konteks analisis fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Daerah Pasir Puteh di Negeri Che Siti Wan Kembang akan dianalisis, dihuraikan serta diterang mengenai fungsi wakaf tersebut kepada penduduk setempat. Dalam bahagian ini juga akan diterangkan peranan Wakaf Tuan Farrer ini dikekalkan sehingga kini serta usia pembinaannya mencegah 100 tahun dan masih utuh sehingga sekarang. Keindahan

dan kehalusan senibina Wakaf Lama Tuan Farrer dapat dilihat pada keseluruhan rekabentuk, bahan dan teknik bahan yang digunakan. Menurut Encik Azlan Binti Jusoh, senibina Wakaf Lama Tuan Farrer mempunyai pengaruh campuran iaitu pengaruh Inggeris dan pengaruh Melayu. Seperti sedia tahu pembinaan wakaf ini berhubung kait dengan Zaman Jajahan British dahulu sewaktu menakluk Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu pada tahun 1904. Menurut Encik Rosdi Bin Ya'acob, proses pembinaan wakaf ini dianggarkan mengambil masa selama 2 tahun setengah dibina secara beransur-ansur bermula pada tahun 1917 hingga siap sepenuhnya pada tahun 1919. Secara umum Wakaf Lama Tuan Farrer dibina atas tujuan kemudahan pengembara dan orang awam sebagai tempat berehat dan berteduh setelah penat mengembara serta berjalan.

Pada tahun 1917, Wakaf Lama Tuan Farrer dibina oleh Roland John Farrer selaku Ketua Jajahan Pasir Puteh pada waktu itu. Tuan Farrer membina wakaf tersebut adalah sebagai tanda memperingati perjuangan beliau sewaktu beliau memegang atau menakluk daerah Pasir Puteh sebagai daerah pemerintahan beliau pada tahun 1915 hingga tahun 1919 sewaktu British menakluk Negeri Kelantan. Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kemudahan orang awam dan para pengembara yang singgah di Pasir Puteh. Hal ini disokong oleh Encik Rosdi Bin Ya'acob selaku Setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu informan yang ditemubual pada 12 Oktober 2020 dan hasil soal selidik yang dijalankan turut menyokong kenyataan tersebut. Encik Rosdi menyatakan bahawa fungsi wakaf ini adalah sebagai tempat berehat dan tempat berteduh bagi kemudahan kegunaan orang awam setelah penat berjalan. Selain itu, Wakaf ini merupakan wakaf tinggalan jajahan British di Pasir Puteh dan dianggap sebagai monumen bersejarah serta Wakaf Tuan Farrer turut menjadi tumpuan para pelancong yang datang melancong ke Kelantan.





Rajah 4.23: Rajah menunjukkan Kedudukan Wakaf ditengah jalan untuk kemudahan orang awam berehat dan berteduh setelah penat berjalan

[Sumber – Pengkaji, 2020]

Perkataan “wakaf” sangat sinonim di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Menurut Encik Rosdi, Wakaf atau nama lainnya di kenali sebagai gazebo atau pondok yang kebiasaannya digunakan sebagai tempat duduk dan tempat rehat. Di Pasir Puteh terdapat sebuah wakaf yang terkenal dan disebut-sebut oleh Rakyat Kelantan tentang keunikannya serta sejarahnya yang merupakan bangunan binaan kecil tinggalan Zaman Kolonial. Rakyat Kelantan menganggap Wakaf Tuan Farrer adalah sebagai monumen bersejarah sebagai bukti bahawa Negeri Kelantan pernah dijajah oleh orang British pada Zaman Jajahan dahulu. Wakaf Tuan Farrer yang terletak di Pasir Puteh sering menjadi buah mulut orang ramai mengenainya serta menjadikannya sebagai tempat pelancongan dan tempat bersiar-siar atau tempat bersantai bersama keluarga untuk mengenali atau mengetahui lebih lanjut mengenai sejarah Wakaf Tuan Farrer yang berhubung kait dengan Zaman Jajahan Kolonial dan Tokoh panglima Kelantan iaitu Tok Janggut. Negeri Kelantan bukan sahaja kaya dengan seni budaya

warisannya tetapi juga kaya dengan senibina dan rekabentuk binaan bangunan yang bersejarah serta bernilai kepada Negara untuk dijadikan tinggalan sejarah dahulu. Hari demi hari, Wakaf Tuan Farrer semakin menjadi terkenal di mata para pengunjung serta dijadikan lokasi pelancongan serta tempat orang awam atau para pengunjung bersantai dan bersiar-siar sambil mengenal sejarah Negara Malaysia. Hal ini turut disokong oleh masyarakat yang diketahui melalui analisis kaedah soal selidik yang dijalankan.

Encik Rosdi selaku setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu individu yang ditemubual pada 12 Oktober 2020 menyatakan bahawa kebiasaannya wakaf akan dinamakan mengikut nama tempat atau nama penderma yang mewakafkan dan menghadihkannya untuk kegunaan orang awam. Seperti Wakaf Tuan Farrer yang diberi nama mengikut nama pemberinya iaitu Roland John Farrer atau lebih dikenali sebagai Tuan Farrer. Tuan Farrer telah menghadihkan wakaf ini kepada penduduk Pasir Puteh sebagai tanda memperingati perjuangan beliau semasa memerintah Pasir Puteh pada tahun 1915 hingga 1919. Segelintir masyarakat hanya mengetahui fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai tempat berehat dan tempat pelancongan bagi para pengunjung tetapi tidak mengetahui bahawa wakaf ini disering digunakan sebagai tempat perbincangan dan tempat berkumpul bagi orang ramai apabila ingin mengadakan sesuatu aktiviti atau perjumpaan di sekitar Pasir Puteh. Pada tahun 1919, Roland John Farrer akan mengadakan perhimpunan atau perjumpaan dengan Rakyat Pasir Puteh yang berpengaruh di Wakaf tersebut bagi memudahkan rakyat datang dan berkumpul di kawasan sekitar mereka. Hasil yang diperolehi daripada soal selidik juga menyokong kenyataan ini yang menyatakan bahawa fungsi Wakaf Tuan Farrer selain dijadikan tempat berteduh dan tempat berehat ia juga berfungsi sebagai tempat perbincangan dan tempat perhimpunan orang ramai sewaktu mengadakan sesuatu aktiviti. Wakaf Lama Tuan Farrer bukan sahaja digunakan sebagai kemudahan

penduduk setempat malah wakaf ini mempunyai sejarah bukti Zaman Jajahan Kolonial di Pasir Puteh.



Rajah 4.24: Rajah menunjukkan struktur ruang pelantaian yang rendah dan ergonomik untuk tempat berehat dan tempat perbincangan kepada penduduk setempat.

[Sumber – Pengkaji, 2020]

Encik Azlan iaitu individu yang ditemubual menyatakan bahawa Wakaf lama yang terletak di Daerah Pasir Puteh di bawah Negeri Che Wan Kembang (Kelantan) binaannya mencegah usia 100 tahun dan masih utuh sehingga kini. Seperti sedia tahu bahawa Wakaf Lama Tuan Farrer ini merupakan binaan bangunan kecil yang menjadi bukti tinggalan sejarah Zaman Kolonial di Negeri Kelantan. Terdapat banyak wakaf di Negeri Kelantan tetapi Wakaf Lama Tuan Farrer ini dianggap sebagai monumen bersejarah dan mempunyai nilai sentimental dan nilai estetika yang unik. Pada Zaman Kolonial, wakaf ini dijadikan sebagai tempat berehat, tempat berteduh dan tempat berkumpul bagi kegunaan orang awam tanpa mengira darjat dan bangsa. Kini, Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai mercu tanda Zaman Jajahan Kolonial di Pasir

Puteh serta dijadikan sebagai simbolik Daerah Pasir Puteh pernah dijajah oleh British pada suatu ketika dahulu. Sejarah yang lampau tidak akan dilenyapkan malah akan dipahat sebagai bukti sejarah yang pernah di alami dahulu. Struktur senibina monumen dikekal dan dipelihara atas faktor usianya, saiz, nilai sejarah, nilai estetika atau kepentingan sejarahnya. Monumen turut dibina untuk meningkatkan penampilan bandar atau lokasi yang menjadikan pusat pelancongan seperti Wakaf Lama Tuan Farrer. Rekabentuk dan senibina bangunan Wakaf Tuan Farrer ini masih utuh sehingga sekarang menjadi kebanggaan bagi Rakyat Kelantan terutamanya penduduk Pasir Puteh kerana memiliki bukti-bukti zaman prasejarah dahulu. Malah Wakaf tersebut turut dianggap sebagai monumen bersejarah bagi masyarakat setempat di Pasir Puteh.



Rajah 4.25: Rajah menunjukkan mercu tanda zaman jajahan kolonial di Pasir Puteh, Kelantan.

[Sumber -Pengkaji, 2020]

Puan Roslina merupakan pembantu tadbir Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu individu yang ditemubual menyatakan bahawa bangunan atau monumen bersejarah dibina sejak beribu-ribu tahun yang dahulu serta mempunyai simbol peradaban kuno

yang kekal lama dan terkenal sehingga sekarang dan masa akan datang. Bangunan dan monumen bersejarah berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah yang memiliki nilai estetika, senibina, dan sosial budaya dipersekitaraan landskapnya. Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dibina secara beransur-ansur pada tahun 1917 hingga 1919 pada zaman kolonial dan berhubungkait dengan pemerintahan British di Kelantan. Wakaf Lama Tuan Farrer selain dijadikan sebagai tempat berehat atau tempat berteduh bagi kegunaan orang ramai setelah penat berjalan tetapi berfungsi juga sebagai khazanah warisan dahulu kepada generasi akan datang. Pada tahun 1904, British telah menakluk Pantai Timur dibawah naungannya iaitu Kelantan dan Terengganu. Menurut cerita Encik Azlan, akibat peristiwa kebangkitan penentangan rakyat Kelantan terhadap pentadbiran British semakin parah, British telah menghantar Roland John Farrer selaku Pemangku Penasihat British dan memegang jawatan sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 hingga 1919. Kedatangan Roland John Farrer adalah sebagai langkah pemulihan pemerintahan British di Kelantan selepas berjaya mematahkan kebangkitan Rakyat Kelantan pada ketika itu. Sejarah kedatangan British Kelantan membawa kepada bukti peninggalan dahulu seperti Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Pasir Puteh. Puan Roslina menyatakan peninggalan sejarah dahulu dapat menjadikan sebagai khazanah warisan dahulu serta dijadikan bukti jajahan British di Daerah Pasir Puteh Kelantan. Kenyataan ini turut disokong oleh masyarakat Kelantan melalui data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan.

#### **4.6.3 Persepsi Masyarakat Terhadap Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan**

Dalam konteks akan dianalisis dan dihuraikan mengenai persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Daerah Pasir Puteh Kelantan. Bahagian ini akan menerangkan mengenai pandangan atau



pendapat masyarakat setempat tentang kepentingan mengekalkan Wakaf yang terletak di Pasir Puteh samaada wajar dikekalkan atau sebaliknya. Data bahagian ini diperolehi secara kaedah soal selidik yang dijalankan secara atas talian internet menggunakan aplikasi (google form). Bangunan dan monumen bersejarah mempunyai nilai sejarah, nilai estetika, senibina rekabentuk dan kepentingan sosial dan politik yang perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber sejarah Negara. Sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer turut menjadi sumber sejarah Negara kerana pembinaan bangunan Wakaf tersebut mempunyai hubungkait dengan sejarah kedatangan British ke Kelantan sebelum merdeka. Data yang dirumuskan melalui kaedah soal selidik menyatakan proses pengkalan bangunan dan monumen bersejarah bertujuan untuk mengembalikan kepentingan budaya sesuatu tempat dengan mengawal segala keselamatan dan penjagaannya pada masa kini dan akan datang. Bangunan dan monumen bersejarah mempunyai nilai sejarah, nilai estetika, senibina rekabentuk dan kepentingan sosial dan politik yang perlu dipelihara dan dikekalkan sebagai sumber sejarah Negara seperti Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Merujuk kepada ICOMOS (1999) (Piagam Burra) ada mendefinisikan pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan.

Wakaf Tuan Farrer merupakan sebuah binaan bangunan kecil iaitu bertujuan sebagai tempat berehat, tempat berteduh, tempat berkumpul dan tempat berbincang bagi orang ramai dan para pengunjung tanpa mengira darjat dan bangsa. Hasil soal selidik dapat dirumuskan bahawa Wakaf Tuan Farrer merupakan sumber sejarah Negara kerana ia merupakan bukti tinggalan zaman kedatangan British ke Kelantan. Pada 1904, British berjaya menakluk Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu. Sesebuah bangunan atau monumen yang memiliki nilai sejarah, nilai estetika, senibina dan rekabentuk yang unik perlu dikekalkan serta di pelihara sebagai khazanah warisan supaya ia tidak dilenyapkan begitu sahaja. Masyarakat Kelantan menyatakan bahawa sebuah wakaf lama yang dibina di Daerah Pasir Puteh Kelantan wajar dikekalkan binaan

bangunannya kerana ia merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh. Disebalik binaan wakaf lama ini terdapat penceritaan sejarah kedatangan British pada tahun 1904 semasa menakluk Kelantan sebagai tanah jajahan mereka. Wakaf lama ini mempunyai nilai sejarah dan nilai estetikanya serta senibina dan rekabentuknya adalah pengrauh campuran Inggeris dan Melayu. Masyarakat Kelantan menganggap Wakaf Tuan Farrer sebagai monumen bersejarah dan mempunyai penceritaan sejarah jajahan dahulu yang pernah memerintah Kelantan pada suatu ketika dahulu.

Dapat dirumuskan melalui soal selidik bahawa di Malaysia terdapat beberapa buah bangunan dan monumen bersejarah yang dikekalkan sehingga kini yang terdiri daripada bangunan penjajahan dahulu dikenali sebagai zaman kolonial. Di Kelantan dijumpai sebuah wakaf lama yang terletak di Pasir Puteh yang dikatakan senibina dan rekabentuk binaan melambangkan kedatangan British ke Kelantan. Usia wakaf tersebut mencegah 100 tahun dan binaan bangunannya masih utuh sehingga kini. Nama wakaf tersebut diambil sempena nama individu yang mencetus ideanya dalam pembinaan wakaf tersebut iaitu Roland John Farrer serta nama wakaf tersebut ialah Wakaf Lama Tuan Farrer. Wakaf Tuan Farrer ini dibina oleh seorang penjajah British yang datang Kelantan serta beliau merupakan Ketua Jajahan Pasir Puteh pada 1915 hingga 1919. Melalui data yang diperolehi daripada hasil soal selidik masyarakat paling tingginya menyatakan bahawa wakaf ini mempunyai kepentingan untuk dikekalkan kerana gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti tertentu. Rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farre merupakan pengaruh campuran iaitu pengaruh Inggeris dan pengaruh Melayu. Malah senibina binaan wakaf ini menunjukkan perbezaan era dan garis masa iaitu pembinaan bangunan pada zaman kolonial. Nilai estetika dan nilai sejarah yang dimiliki oleh Wakaf Tuan Farrer menjadikan ia sebuah binaan bersejarah dan wajar dikekalkan sebagai sumber penceritaan sejarah mengenai zaman jajahan kolonial di Kelantan.





Rajah 4.26: Rajah menunjukkan senibina dan rekabentuk Wakaf Tuan Farrer yang mempunyai pengaruh campuran Inggeris dan Melayu.

[Sumber – Pengkaji, 2020]

Istilah pengekal dan pemuliharaan adalah mempunyai takrifan yang sama iaitu melibatkan pengekal dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambilkira kepentingannya kepada Negara dan masyarakat. Masyarakat Kelantan menganggap Wakaf Tuan Farrer sebagai monumen bersejarah serta bukti Negara mereka pernah dijajah oleh British. Idea teretusnya pembinaan wakaf ini adalah daripada Roland John Farrer selaku Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915. Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dapat dirumuskan bahawa senibina dan rekabentuk wakaf ini menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapaki oleh Negara Kolonial. Di Negara Kolonial, mereka akan membina satu ruang atau tempat untuk mereka melakukan rundingan ada mesyuarat bersama mengenai pentadbiran mereka. Semasa pemerintah Tuan Farrer, beliau telah membina sebuah wakaf yang diberi nama Wakaf Lama Tuan Farrer untuk dijadikan tempat berehat, berteduh, tempat berkumpul dan tempat berbincang untuk kegunaan orang ramai serta pengembara. Wakaf ini juga digunakan oleh beliau semasa beliau mengelilingi atau memantau

keadaan rakyat di sekitar Pasir Puteh. Wakaf Tuan Farrer turut digunakan oleh pengembara sebagai tempat mereka berehat setelah penat berjalan. Persepsi masyarakat menyatakan bahawa Wakaf Tuan Farrer perlu dikekalkan kerana bangunan kecil ini memiliki gabra fahaman serta ilmu yang digunapaki oleh Negara kolonial serta diaplikasikan pada Negara Malaysia. Bukti kedatangan British ke Kelantan dapat diketahui melalui sejarah pembinaan Wakaf Tuan Farrer yang terletak di Pasir Puteh Kelantan. Proses pengekalan dan pemuliharaan ke atas bangunan atau monumen warisan seperti Wakaf Tuan Farrer adalah penting supaya warisan ini tidak dimusnahkan.

Bangunan dan monumen bersejarah berperanan sebagai sumber penceritaan sejarah yang memiliki nilai estetika, senibina, dan sosial budaya dipersekitaraan landskapnya. Persepsi masyarakat yang diperolehi daripada soal selidik menyatakan Wakaf Tuan Farrer dianggap sebagai monumen bersejarah serta binaannya mempunyai penceritaan sejarah mengenai pentadbiran kolonial di Pasir Puteh. Struktur pentadbiran ini menunjukkan bahawa satu sistem pentadbiran moden telah diwujudkan di Pasir Puteh. Sedar atau pun tidak kemusanahan warisan seperti bangunan atau monumen bersejarah disebabkan oleh proses pambandaran yang semakin pesat. Untuk memiliki bandar yang ideal dan sempurna perlu menitikberatkan pembangunan bandar dari segi fizikal serta mampu mengekalkan warisan budaya yang ada untuk tatapan generasi akan datang. Bandar Pasir Puteh semakin hari semakin pesat dengan pembangunan yang moden sehinggalah kurang memberi perhatian terhadap bangunan warisan lama seperti Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Jalan Nara, Pasir Puteh. Rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang. Kenyataan ini disokong oleh masyarakat sekeliling mengenai kepentingan pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer. Wakaf Lama Tuan Farrer mempunyai nilai estetika yang tinggi daripada segi senibinanya. Senibina wakaf unik kerana struktur bangunan daripada pengaruh campuran iaitu campuran

Inggeris dan Melayu. Rekabentuk bumbung wakaf berbentuk “A” dan dihiasi dengan dekorasi perabung. Wakaf Tuan Farrer berbentuk empat segi, tidak mempunyai dinding dan mempunyai pelantain yang rendah dan ergonomik sebagai tempat berehat. Pengekalan bangunan atau monumen warisan dapat menjadikan Pasir Puteh sebagai pembangunan ideal yang pesat. Proses pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan warisan adalah penting agar tidak dimusnahkan dengan mengambilkira kepentingannya kepada Negara dan masyarakat.



Rajah 4.27: Rajah menunjukkan keadaan Wakaf Lama Tuan Farrer yang mengalami kerosakan serta tidak dipelihara dan dipulihara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab.

[Sumber – Pengkaji, 2020]

Malaysia amat bertuah kerana memiliki banyak tapak warisan arkeologi, Monumen dan bangunan bersejarah yang unik dan menarik salah satunya ialah Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Pasir Puteh Kelantan. Hasil soal selidik mendapati bahawa bangunan dan monumen bersejarah mampu menjadi tarikan para pelancong

dan serta meningkatkan sektor pelancongan. Kepentingan mengekalkan Wakaf Tuan Farrer sebagai monumen bersejarah atau mercu tanda Pasir Puteh dapat meningkatkan sektor ekonomi Negara. Wakaf Tuan Farrer memampu dijadikan sebagai pelancongan yang berasaskan warisan atau dikenali sebagai pelancongan warisan menjadi tunjang utama untuk mempromosikan warisan Negara serta meningkatkan sektor pelancongan dan mengalakkan kedatangan pelancong untuk melihat warisan yang kita pelihara sehingga kini. Wakaf Tuan Farrer merupakan bangunan kecil yang dibina oleh seorang penjajah untuk kegunaan rakyat serta mempunyai nilai – nilai sejarah dan keunikan senibinanya serta apa yang kita hidup dengan harini untuk disampaikan kepada generasi masa depan. Dapatan kajian daripada soal selidik menyatakan bahawa pengekaln Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara. Melalui soal selidik didapati persepsi masyarakat terhadap pengekaln Wakaf Tuan Farrer sangat wajar dikekalkan kerana Wakaf Tuan Farrer dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara. Malah pelancongan warisan seperti Wakaf Lama Tuan Farrer mampu membuka peluang kepada pelancong untuk melihat khazanah warisan yang dimiliki daripada nenek moyang dahulu merangkumi elemen sejarah, kebudayaan, kesenian, dan alam semula jadi. Dari segi realitinya, pembinana bangunan kecil yang bersejarah atau monumen bersejarah seperti Wakaf Lama Tuan Farrer boleh berperanan untuk menjadi pelantar ekonomi yang mampan kepada pertumbuhan landskap arkeopelancongan Negara pada masa akan datang.

#### 4.7 MENGAPLIKASIKAN TEORI DALAM PENYELIDIKAN

Kerangka teori merupakan suatu teori kepada para pengkaji untuk mewujudkan dan mengaplikasikan teori tersebut dalam penyelidikan yang dilakukan sebagai bukti dan sokongan dalam kajian yang dilakukan. Konsep teori adalah memberi pendedahan dan membantu pengkaji memahami mengenai kajian yang dijalankan bukan sahaja mengetahui apa yang berlaku tetapi mengapa iainya berlaku. Kajian penyelidikan ini akan menggunakan teori persepsi konstruktif, tujuan utama teori ini adalah mengenai persepsi yang dibuat boleh dibentuk dan dilakukan hipotesis yang berkaitan dengan persepsi tersebut berdasarkan apa yang diketahui melalui persepsi tersebut (Irwanto, 2002).

Teori ini menggunakan persepsi yang diperolehi akan di lakukan hipotesis berdasarkan apa yang diketahui melalui persepsi tersebut. Persepsi tersebut diketahui atau diterima daripada beberapa aspek iaitu daripada pengalaman, dan pengetahuan yang dipelajari tentang dunia. Teori persepsi konstruktif berhubung kait dengan kajian yang dijalankan iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Teori ini menggunakan persepsi yang diperolehi akan di lakukan hipotesis berdasarkan apa yang diketahui melalui persepsi tersebut. Hasil data yang diperolehi secara kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang responden melalui atas talian dengan menggunakan aplikasi (google form) iaitu berkenaan dengan persepsi masyarakat mengenai pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer yang terletak di Pasir Puteh Kelantan.

Dalam kajian ini, pengkaji membuat andaian awal bahawa Wakaf Tuan Farrer ini mempunyai nilai sejarah zaman Kolonial yang wajar dikekalkan sebagai monumen bersejarah serta dijadikan sebagai sumber penceritaan sejarah kedatangan British ke Kelantan. Daripada andaian atau hipotesis tersebut dapat dinyatakan bahawa kenyataan atau andaian itu disokong oleh masyarakat setempat mengenai betapa pentingkan Wakaf tersebut kepada Negara. Hipotesis awal yang dibuat oleh pengkaji,



dapat merumuskan bahawa hipotesis ini di berjaya dan diterima kerana bersesuaian dengan persepsi yang dinyatakan oleh masyarakat mengenai kepentingan mengekalkan Wakaf Tuan Farrer. Hasil yang diperolehi daripada soal selidik mengenai persepsi masyarakat terhadap pengkalan Wakaf Lama Tuan Farrer menyatakan bahawa Wakaf ini mempunyai banyak nilai yang perlu dikekalkan agar di dapat dijadikan sebagai sumber sejarah Negara. Oleh itu, teori konstruktif yang digunakan dalam kajian ini bermula daripada hipotesis atau andaian awal oleh pengkaji dapat mengukur samaada hipotesis ini diterima atau sebaliknya. Dapat dijelaskan disini persepsi masyarakat terhadap pengkalan Wakaf Tuan Farrer yang diketahui daripada metologi kajian secara soal selidik adalah diterima dan sama dengan hipotesis awal yang dibuat oleh pengkaji mengenai kepentingan pemeliharaan Wakaf Lama Tuan Farrer.

Data yang diperolehi dihipotesiskan bagi mengetahui secara keseluruhan mengenai persepsi masyarakat tersebut. Dalam penyelidikan ini masyarakat memberi persepsi atau pendapat bahawa Wakaf Tuan Farrer ini wajar dikekalkan kerana nilai sejarah dan nilai estetika senibina dan rekebentuk yang membuktikan penceritaan mengenai kedatangan British ke Pasir Puteh Kelantan pada tahun 1904. Masyarakat Pasir Puteh menyampaikan maklumat berkaitan kajian daripada pengalaman dan pengetahuan yang diketahui oleh mereka berkenaan dengan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Persepsi yang diperolehi boleh didapati dalam bentuk persepsi yang positif mengenai kepentingan mengekalkan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Persepsi masyarakat paling tingginya bersetuju bahawa Wakaf Tuan Farrer ini perlu dikekalkan kerana boleh dijadikan sebagai sumber sejarah Negara. Daripada persepsi tersebut boleh disimpulkan bahawa Wakaf Tuan Farrer merupakan bangunan kecil yang dibina oleh seorang penjajah untuk kegunaan rakyat serta mempunyai nilai – nilai sejarah dan keunikan senibinanya serta apa yang kita hidup dengan harini untuk disampaikan kepada generasi masa depan. Pengkalan Wakaf Lama Tuan Farrer

sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara.

#### **4.8 PENUTUP**

Secara keseluruhannya, tatacara atau prosedur menjalankan kajian adalah penting sebagai panduan pengkaji menjalankan kajian mengikut tatacara yang betul. Analisis kajian persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer diperolehi daripada metodologi kajian. Pengkaji melaksanakan metodologi kajian seperti kaedah pemerhatian, kaedah temubual, kaedah soal selidik, dan kaedah keperpustakaan. Data yang diperolehi daripada hasil kaedah temubual akan dianalisis dalam bentuk laporan dan dijadikan sebagai analisis kajian. Selain itu, data mengenai sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer dikumpul daripada metodologi kajian secara kaedah temubual dan kajian keperpustakaan. Antara data yang diperolehi adalah Wakaf Tuan Farrer dibina secara beransur-beransur pada tahun 1917- 1919. Wakaf Tuan Farrer merupakan sebuah binaan bangunan kecil yang memiliki nilai estetika dan nilai sejarah mengenai kedatangan British ke Kelantan pada tahun 1904. Seterusnya maklumat mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada penduduk setempat diperolehi daripada dapatan kajian menggunakan kaedah temubual dan soal selidik. Pengkaji menemubual tiga individu yang terdiri daripada kakitangan Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu Encik Rosdi, Puan Roslina, dan Encik Azlan. Manakala persepsi masyarakat mengenai pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer di perolehi hasil daripada kaedah soal selidik yang dijalankan secara atas talian internet menggunakan aplikasi (google meet) yang diedarkan kepada 100 orang responden.



## BAB 5

### SARANAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam penyelidikan mengenai persepsi masyarakat terhadap pengkelan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan. Dalam bab ini akan diterangkan mengenai beberapa saranan untuk penambahbaikan dan kesimpulan keseluruhan penyelidikan. Segala persoalan kajian dan objektif kajian mengenai penyelidikan ini berjaya dijawab dan tercapai.

#### 5.1 SARANAN

Saranan merupakan pendapat atau cadangan yang diberi untuk penambahbaikan berkaitan sesuatu perkara. Kajian ini telah berjaya merungkai persoalan kajian serta berjaya mencapai objektif kajian. Saranan atau cadangan ini diperolehi daripada hasil keseluruhan kajian melalui pemerhatian dan sorotan kajian yang menyatakan beberapa saranan yang boleh dicadangkan dalam kajian ini.

##### 5.1.1 Saranan Pendedahan Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Keadaan Fizikal Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.

Wakaf Lama Tuan Farrer dianggap sebagai monumen bersejarah bagi Rakyat Kelantan terutamanya Penduduk Pasir Puteh. Wakaf ini merupakan bukti tinggalan zaman jajahan British ketika menakluk Kelantan sebagai tanah jajahannya. Wakaf ini dibangunkan secara beransur-ansur pada tahun 1917 hingga siap sepenuhnya pada

tahun 1919. Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai sentimental, nilai estetika dan nilai sejarah zaman jajahan dahulu ketika menjajah Kelantan. Hasil pemerhatian pengkaji mendapati keadaan fizikal Wakaf Tuan Farrer mengalami beberapa kerosakan seperti syiling bangunan terjatuh, stuktur tiang wakaf berlumut dan mengalami keretakan halus serta keadaan wakaf yang terbiar sehingga semak samun mula tumbuh di Kawasan sekeliling wakaf tersebut. Pemeliharaan dan pemuliharaan Wakaf Tuan Farrer wajar dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab agar binaan bangunan kecil yang bersejarah ini mampu dikekalkan serta dapat menjadi sumber sejarah sejarah.

Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilakukan ke atas bangunan atau monumen bersejarah perlu menitikberatkan kepentingannya seperti nilai sejarah, fungsi, senibina, usia, binaan, sosio-politik serta senibina rekebentuk yang menjadikan sesuatu itu berharga dan bernilai. Pengekalan dan pemuliharaan Wakaf Lama Tuan Farrer melibatkan pengekalan dan penjagaan ke atas bangunan warisan daripada dimusnahkan dengan mengambilkira kepentingannya kepada Negara dan masyarakat. Wakaf Lama Tuan Farrer dianggap sebagai monumen bersejarah serta dapat dijadikan sebagai penceritaan sejarah kedatangan British ke Kelantan. Bangunan bersejarah ini perlu dilaksanakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan agar sejarah bangunannya boleh diketahui oleh generasi akan datang mengenai sejarah Negara.

Kerja kerja pemuliharaan Wakaf Lama Tuan Farrer perlu menitikberatkan aspek keaslian dan integriti senibina wakaf tersebut. Pada Mac 2008, sebahagian binaan wakaf dirempuh oleh kenderaan menyebabkan sebahagian binaan bangunannya runtuh. Kerja - kerja pembinaan semula dilakukan oleh Majlis Daerah Pasir Puteh bersama Kerajaan Persekutuan tetapi aspek keaslian serta integriti tidak dititikberatkan oleh pihak tersebut. Di mana bahan binaan asli seperti kayu pada asal digantikan dengan bahan konkrit yang menyanggapi akan lebih kukuh secara tidak langsung nilai keaslian dan integriti binaan Wakaf Lama Tuan Farrer telah hilang dan musnah. Perkara-perkara sebegini perlu dititikberatkan oleh pihak bertanggungjawab supaya setiap proses pemeliharaan dan

pemuliharaan perlu berpandukan standart piawaian Jabatan Warisan Negara (JWN) terhadap kerja-kerja pemuliharaan bangunan bersejarah.

### **5.1.2 Saranan Pendedahan Kepentingan Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.**

Satu daripada kepentingan bangunan bersejarah perlu dikekalkan ialah bangunan bersejarah atau monumen dapat dijadikan sebagai bukti yang kukuh kepada sesuatu era atau peristiwa sejarah yang telah berlaku. Pendapat sesetengah pihak ada mengatakan bahawa bangunan bersejarah tidak perlu dikekalkan kerana ia menggambarkan sejarah hitam Negara. Pendapat tersebut tidak berasas kerana bangunan bersejarah atau monumen bersejarah seperti Wakaf Lama Tuan Farrer dapat memberikan teladan dan iktibar kepada masyarakat terutamanya remaja kini yang mempunyai semangat patriotism yang semakin nipis. Walaupun ada antara bangunan bersejarah yang hanya menggambarkan sejarah hitam Negara namun jika kita menghayati sejarah di sebalik bangunan tersebut semula serta mengambil pengajaran daripada peristiwa yang telah berlaku, maka kita dapat terus mara ke hadapan tanpa mengulangi kesilapan yang telah dilakukan oleh masyarakat terdahulu.

Hasil daripada metodologi kajian mendapati bahawa pendedahan mengenai kepentingan pengekalan Wakaf Tuan Farrer wajar dilaksanakan. Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan kecil sebagai tempat berteduh dan tempat berehat bagi orang awam dan pengembara. Wakaf Tuan Farrer ini dikekalkan sebagai monumen memperingati seseorang iaitu Roland John Farrer sebagai Ketua Jajahan Pasir Puteh pada tahun 1915 hingga 1919. Pengaruh binaan bangunan Wakaf Lama Tuan Farrer adalah pengaruh campuran iaitu pengaruh Inggeris dan pengaruh melayu. Kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan Wakaf Lama Tuan Farrer adalah wajar kerana ia merupakan khazanah Negara dan tinggalan zaman jajahan British. Bangunan

bersejarah amat penting dalam pembentukan minda generasi muda Negara terutamanya ke arah penghayatan warisan dan khazanah Negara. Bangunan dan monumen yang bersejarah merupakan aset yang patut dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Dengan terdapatnya bangunan bersejarah, generasi baharu akan lebih menghargai dan peka akan perkembangan sejarah Negara.

Hasil daripada kaedah temubual dan kajian perpustakaan mendapati bahawa kepentingan pengekalan Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh boleh dilihat daripada sudut pelancongan. Bukan itu sahaja, dari sudut pelancongan pula, bangunan bersejarah dan monumen dapat menarik pelancong baik pelancong tempatan mahupun pelancong dari luar Negara untuk melawat ke Negara kita. Pelancongan yang berasaskan warisan atau dikenali sebagai pelancongan warisan menjadi tunjang utama untuk mempromosikan warisan Negara serta meningkatkan sektor pelancongan dan mengalakkan kedatangan pelancong untuk melihat warisan yang kita pelihara sehingga kini. Pada pendapat pengkaji bahawa pelancongan warisan membuka peluang kepada pelancong untuk melihat khazanah warisan yang dimiliki oleh Wakaf Lama Tuan Farrer yang mempunyai sejarah kedatangan British di Kelantan bermula pada tahun 1904. Wakaf Tuan Farrer mempunyai kepentingan dalam mengekalkan bangunan tersebut sebagai bangunan bersejarah terutama sebagai bukti jajahan Pasir Puteh pada zaman dahulu.

## **5.2 KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa bab satu menerangkan secara menyeluruh mengenai kajian yang dilakukan iaitu persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah kerana wujudnya permasalahan kajian. Jika kajian ini tidak mempunyai masalah, tiada sebab kajian ini perlu dilakukan. Maka, wujudlah persoalan kajian dan terbentuklah objektif kajian yang merupakan matlamat kajian. Fokus kajian ini adalah

apakah sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Seterusnya apakah fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada masyarakat setempat dan apakah persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Bab 2 menerangkan mengenai sorotan kajian yang boleh dijadikan panduan kepada pengkaji mengenai kajian ini. Sorotan kajian ini, dilakukan melalui pencarian maklumat secara ilmiah atau rujukan buku-buku di perpustakaan, risalah-risalah, surat khabar, jurnal yang berkait rapat dengan kajian penyelidikan yang dilakukan. Walaubagaimanapun, melalui sorotan kajian lepas ini pengkaji dapat melakukan proses penambahbaikan melalui penciptaan idea-idea yang baru dalam kajian ini. Kajian terdahulu merupakan satu rujukan yang diperlukan bagi membuat kajian yang seumpama dengannya supaya tidak berlaku sebarang pertindihan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

Bab 3 merupakan bab yang paling penting dalam sesuatu kajian iaitu metodologi kajian. Metodologi merupakan cara-cara untuk mendapatkan data dan menganalisis data berkaitan kajian yang dilakukan dengan menggunakan metodologi yang bersesuaian dengan objektif kajian. Metodologi kajian merupakan medium yang penting dalam sesuatu penyelidikan bagi memperolehi kaedah kajian yang bersesuaian dan berkesan dalam menjawab kesemua permasalahan kajian. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pendekatan kajian kes yang memfokuskan pada satu tempat sahaja iaitu Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes adalah satu daripada pendekatan kajian bertujuan mendapatkan maklumat sama ada berkenaan individu, institusi, artifak, situasi, atau fenomena secara mendalam. Pendekatan kajian ini adalah melakukan pendokumentasian melalui temubual, dokumentasi foto, dan pemerhatian lapangan berhubung subjek kajian. Kerja-kerja pendokumentasian akan dilakukan di Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian kes bertujuan mengumpul data berkenaan persepsi masyarakat terhadap pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan.

Tuntasnya, bab 4 merupakan bab yang terpenting bagi sesuatu kajian iaitu dapatan dan analisis kajian. tataracara atau prosedur menjalankan kajian adalah penting sebagai panduan pengkaji menjalankan kajian mengikut tataracara yang betul. Analisis kajian persepsi masyarakat terhadap pengekalanan Wakaf Lama Tuan Farrer diperolehi daripada metodologi kajian. Pengkaji melaksanakan metodologi kajian seperti kaedah pemerhatian, kaedah temubual, kaedah soal selidik, dan kaedah keperpustakaan. Data yang diperolehi daripada hasil kaedah temubual akan dianalisis dalam bentuk laporan dan dijadikan sebagai analisis kajian. Selain itu, data mengenai sejarah Wakaf Lama Tuan Farrer dikumpul daripada metodologi kajian secara kaedah temubual dan kajian keperpustakaan. Seterusnya maklumat mengenai fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer kepada penduduk setempat diperolehi daripada dapatan kajian menggunakan kaedah temubual dan soal selidik.

Pengkaji menemubual tiga individu yang terdiri daripada kakitangan Majlis Daerah Pasir Puteh iaitu Encik Rosdi, Puan Roslina, dan Encik Azlan. Manakala persepsi masyarakat mengenai pengekalanan Wakaf Lama Tuan Farrer di perolehi hasil daripada kaedah soal selidik yang dijalankan secara atas talian internet menggunakan aplikasi (google meet) yang diedarkan kepada 100 orang responden. Akhir sekali, bab 5 ini akan diterangkan mengenai beberapa saranan untuk penambahbaikan dan kesimpulan keseluruhan penyelidikan. Antara saranan atau pendapat yang diperolehi daripada hasil sorotan kajian, pemerhatian dan temubual yang boleh dicadangkan dalam penyelidikan ini adalah saranan pendedahan pemeliharaan dan pemuliharaan keadaan fizikal Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan serta saranan pendedahan kepentingan Pengekalanan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan.



## RUJUKAN

### Responden Temubual

Encik Rosdi Bin Ya'acob (12 Oktober 2020). Setiausaha Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan. Platform Aplikasi (Whatapps)

Puan Roslina Binti Abdul Ghani (12 Oktober 2020). Pembantu Tadbir Di Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan. Platform Aplikasi (Whatapps)

Encik Azlan Bin Mat Jusoh (13 Oktober 2020). Pembantu Tadbir Di Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan. Platform Aplikasi (Whatapps)

### Artikel / Artikel Online

Ab. Aziz Deraman (1991), "*Dilema Dan Cabaran Tamadun Kelantan*" dalam Mastika Oktober 1991, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Malaysia Berhad, h. 15.

Abdul Azizi Husin e.d (2011). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

A Ghafar Ahmad. (2000). *Pemuliharaan dan pengurusan bangunan warisan di Malaysia*. Kertas Kerja Warisan Budaya dan Pelancongan



Ahmad, A.G. (2002). *Garis panduan Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah Di Malaysia*. Bengkel Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah, 16-19hb. Ogos 2002, Melaka

Akta Warisan Kebangsaan (2005)

Fatimah, Z, (2014). *Model Rangka Kerja Pemuliharaan Struktur Fabrik Bagi Bangunan Bersejarah*.

Dr.Suraya (2019). "*Data Kualitatif dan Data Kuantitatif* ", Metodologi Penyelidikan. Diperolehi daripada slide yang disediakan oleh Dr Suraya, Universiti Malaysia Kelantan

International Council of Monuments and Sites (2006). International Charters for Conservation and Restoration, <http://www.international.icomos.org/>, September 2006.

International Council of Monuments and Sites (ICOMOS) Guidelines (2011) Diperolehi daripada laman sesawang: <http://www.understandingconservation.org>

Johnson, B and Christensen, L (2000), *Educational Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. Boston: Ally and Baco

Kamal, K.S. (2007). *Pendekatan dalam Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia.*

Perbadanan Muzium Melaka, PERZIM (2006). Bengkel Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah, 27-29 November 2006, Ms.2.

Portal Rasmi Majlis Daerah Pasir Puteh Kelantan (2020). Wakaf Tuan Farrer, Pasir Puteh. Diperolehi daripada : <http://www.mdpputeh.gov.my/ms/pelawat/rekreasi>.  
Diakses pada 23 Mei 2020

Powell (1994). *Survey and Repair of Traditional Buildings: A Conservation and Sustainable Approach.* Donhead Publishing Ltd., Shaftesbury

Nik Haslinda Nik Hussain (2012). *Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan.* Penerbit Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia

Mohd. Kamaruzaman A. Rahman, "*Penasihat Inggeris: Pembaharuan Pentadbiran Negeri Kelantan dan Pengukuhan Kuasa, 1910-1920,*" Warisan Kelantan IX, PMK, Kota Bharu, 1992

Othman M.Y, & Halim, N.A, (2000). *Seni Bina Melayu Islam: Pengaruh Agama Dalam Alam.*

Savage, K. (2007). History, memory, and monuments: An overview of the scholarly literature on commemoration. Pittsburgh: University of Pittsburgh. Diperolehi daripada laman sesawang: <http://www.nps.gov/history/history/resedu/savage.htm>

Shamsu, M., & Zulkifli, H. (2011). Seni Bina Tradisi Pantai Timur Berumbungkan Atap Singgor

Stephen Chia. 2011. '*Pemuliharaan dan pemuliharaan warisan arkeologi Malaysia*'. Dlm. Sadatulakmar Mohd et al. Kelestarian warisan Negara. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM

Syed Zainol Abidin (1996). *Pemeliharaan warisan rupa bandar: Panduan mengenali warisan rupa bandar berasaskan inventori bangunan warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.

Tajuddin, M. R. M., Ali, K. M., Ariffin, S. A. I. S., Mohamad, R. A., & Mursib, G. (2004). *Warisan Seni Bina Dunia Melayu Rumah-Rumah Tradisi*: Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Ta'zim.

Yazid Saleh, M. Suhaily Yusri Che Ngah, Nasir Nayan & Mohmadisa Hashim (2010) , *Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pemuliharaan Bandar: Kajian Kes Majlis Perbandaran Taiping*. Jurnal Perspektif Jil. 3 Bil. 1 (95-104) ISSN 1985 - 496X

Yusoff. M. Yuszaidy, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2013). *Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan Negara*, Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space,

#### **Jurnal / Jurnal Online**

Ahmad, A.G. (2006). "Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia", Bengkel Konservasi Monumen dan Tapak Tanah Bersejarah, 2729 November 2006, Ms.1-12.

Shamsu, M, & Suhaily, S, (2016). *Atap Singgora Pada Senibina Tradisional Dan Kontemporari Di Pantai Timur* Jurnal: 9 (2):64-77

Yusoff, M, Yuszaidy (2018). *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia*. Jurnal Melayu, Bil.17 (2) 2018

#### **Buku / Buku Online**

Arkib Negara, Kota Bharu Kelantan

Hamdan Azizi (2016). *Sejarah Peperangan Tok Janggut di Kelantan*. Diperoli daripada: <https://www.abebooks.co.uk/9789670962061/Sejarah-Peperangan-Tok-Janggut-Kelantan-9670962064/plp>. Diakses pada 15 Oktober 20202.

Ismail Abdullah.S (2002). *Wakaf Tuan Farrer*. Settlement Officer. Diperolehi daripada [https://books.google.com.my/books?id=s4\\_TDwAAQBAJ&pg=PT170&dq=wakaf+tuan+farrer&hl=ms&sa=X&ved=2ahUKEwj1rJ2Ks8bqAhWSV30KHTnGAZwQ6AEwAHoECAYQAg#v=onepage&q=wakaf%20tuan%20farrer&f=false](https://books.google.com.my/books?id=s4_TDwAAQBAJ&pg=PT170&dq=wakaf+tuan+farrer&hl=ms&sa=X&ved=2ahUKEwj1rJ2Ks8bqAhWSV30KHTnGAZwQ6AEwAHoECAYQAg#v=onepage&q=wakaf%20tuan%20farrer&f=false)

Ismail Che Daud (2016). *Kisah – Kisah Sejarah Negeri Kelantan*. Penerbit: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan. <https://arecabooks.com/product/kisah-kisah-sejarah-negeri-kelantan/>. Diakses pada 18 Oktober 2020.

Rahmat Saripan (1979). *Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yazid Saleh. (2010). *Pengenalan pemuliharaan bandar Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## LAMPIRAN

### CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN 1

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Perbincangan dan pemilihan tajuk projek penyelidikan 1														
Penghantaran kertas kerja projek penyelidikan 1														
Perbincangan berkaitan kertas kerja projek penyelidikan 1														
Perbincangan dan penyediaan format projek penyelidikan 1														
Pengumpulan maklumat berkaitan kajian														
Surat kebenaran menjalankan projek penyelidikan														
Penulisan bab 1: Pendahuluan														

Penulisan bab 2: Sorotan Kajian														
Penulisan bab 3: Metodologi Kajian														
Penghantaran penulisan														
Pembetulan penulisan														
Penghantaran penulisan														
Pembentangan projek penyelidikan 1														



## CARTA GANT PROJEK PENYELIDIKAN 2

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Perbincangan mengenai projek penyelidikan 2														
Surat kebenaran projek penyelidikan 2														
Membuat soalan soal selidik dan soalan temubual														
Sesi temubual: Encik Rosdi Bin Ya'acob														
Sesi temubual: Puan Roslina Bin Abdul Ghani														
Sesi temubual: Encik Azlan Bin Mat Jusoh														
Sesi Soal Selidik														
Penulisan bab 4: Dapatan dan Analisis Data														
Penulisan bab 5: Saranan dan Kesimpulan														
Penghantaran projek penyelidikan 2														
Pembetulan penulisan														





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Majlis Daerah Pasir Puteh  
16800  
Pasir Puteh  
Kelantan

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	NORATIKAH BINTI JAMAL	C17A0184	970809-35-5066	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/ puan.

Kerjasama tuan/ puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

TS. DR. KHAIROL AZHAR BIN MAT DAUD  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.700-12/1/7 (33)  
8 JULAI 2020

RUI. KAMI (Our Ref.) :

TARIKH (Date) :

Rajah 1: menunjukkan surat kebenaran menjalankan projek penyelidikan



## BORANG SOAL SELIDIK

### PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PENGEKALAN WAKAF

#### LAMA TUAN FARRER, PASIR PUTEH KELANTAN

#### BAHAGIAN A – MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

ARAHAN: SILA TANDAkan (/) MAKLUMAT ANDA PADA RUANG YANG TELAH DISEDIAKAN.

#### 1. UMUR

21 – 30 tahun

41 – 50 tahun

31 – 40 tahun

50 tahun ke atas

#### 2. JANTINA

Lelaki

Perempuan

#### 3. BANGSA

Melayu

India

Cina

Lain-lain

#### 4. PEKERJAAN

Kerajaan

Kakitangan Swasta/

Pelajar

Persendirian  
Lain-lain

**BAHAGIAN B – FUNGSI WAKAF LAMA TUAN FARRER, PASIR PUTEH  
KELANTAN**

Berikut merupakan soalan berkenaan dengan objektif kajian yang kedua iaitu mengkaji fungsi Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh Kelantan kepada masyarakat setempat. Kajian ini menggunakan Skala Likert lima mata yang mengandungi lima aras seperti yang ditunjukkan dalam jadual dibawah:

Skala Likert 5 Aras

Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Kurang setuju	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Sila tandakan (√) pada petak yang telah disediakan.

Bil.	Soalan	Skala				
		Sangat Tidak Setuju  (1)	Tidak Setuju  (2)	Kurang Setuju  (3)	Setuju  (4)	Sangat Setuju  (5)

1	Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan binaan bangunan kecil yang dijadikan sebagai tempat berteduh, tempat berhenti, tempat berehat untuk kegunaan orang ramai.					
2	Wakaf Lama Tuan Farrer berfungsi sebagai tempat bersantai dan berehat bagi penduduk setempat serta pengunjung.					
3	Wakaf Lama Tuan Farrer sering digunakan sebagai tempat perbincangan atau tempat berkumpul orang ramai semasa mengadakan perjumpaan.					
4	Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai mercu tanda Jajahan Daerah Pasir Puteh kepada orang ramai.					
5	Wakaf Lama Tuan Farrer berperanan sebagai khazanah warisan serta dijadikan bukti tinggalan sejarah dahulu kepada generasi akan datang.					

**BAHAGIAN C – PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PENGEKALAN  
WAKAF LAMA TUAN FARRER, PASIR PUTEH KELANTAN**

Berikut merupakan soalan berkenaan dengan objektif kajian yang ketiga iaitu mengkaji persepsi masyarakat terhadap pengkalan Wakaf Lama Tuan Farrer, Pasir Puteh, Kelantan. Kajian ini menggunakan Skala Likert lima mata yang mengandungi lima aras seperti yang ditunjukkan dalam jadual dibawah:

Skala Likert 5 Aras

Sangat tidak setuju	1
Tidak setuju	2
Kurang setuju	3
Setuju	4
Sangat setuju	5

Bil.	Soalan	Skala				
		Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Kurang Setuju (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)



1	Wakaf Lama Tuan Farrer merupakan bukti tinggalan jajahan dahulu dan mercu tanda Daerah Pasir Puteh wajar dikekalkan binaannya untuk dijadikan khazanah warisan Kelantan.					
2	Wakaf Lama Tuan Farrer perlu dipelihara serta dikekalkan agar gaya seni bina wakaf tersebut dapat menunjukkan perbezaan era dan garis masa bangunan yang mewakili identiti entik tertentu.					
3	Pengekalan seni bina Wakaf Lama Tuan Farrer menggambarkan fahaman serta ilmu yang digunapakai oleh Negara Kolonial.					
4	Rekabentuk dan senibina Wakaf Tuan Farrer mempunyai nilai estetika dan nilai sejarah yang perlu dikekalkan untuk generasi akan datang.					
5	Pengekalan Wakaf Lama Tuan Farrer sebagai bangunan warisan dapat menyumbang kepada kelestarian ekonomi disamping kepentingan nilai warisan terus terpelihara.					